




PENYATA JAWATANKUASA KIRA – KIRA WANG NEGARA (PAC) DR.10/2025



TINDAKAN SUSULAN
KEMENTERIAN DALAM NEGERI
BAGI SYOR – SYOR PENYATA PAC
PARLIMEN BERHUBUNG PEROLEHAN
SISTEM *FOREIGN WORKERS*
CENTRALIZED MANAGEMENT SYSTEM
(FWCMS) (DR. 4/2025)





**AHLI-AHLI JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA (PAC)
PARLIMEN KE 15**

1. YB Datuk Wira Mas Ermieyati Samsudin [Masjid Tanah] - Pengerusi
2. YB Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh] - Naib Pengerusi
3. YB Tuan Syahredzan Johan [Bangi]
4. YB Puan Vivian Wong Shir Yee [Sandakan]
5. YB Dato' Adnan Abu Hassan [Kuala Pilah]
6. YB Dato' Mohd Isam Mohd Isa [Tampin]
7. YB Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]
8. YB Tuan Ir. Ts. Zahir Hassan [Wangsa Maju]
9. YB Dato Dr. Richard Rapu @ Aman Anak Begri [Betong]
10. YB Tuan Haji Azli Yusof [Shah Alam]
11. YB Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman Ku Ismail [Kubang Pasu]
12. YB Tuan Ahmad Tarmizi Sulaiman [Sik]
13. YB Datuk Ali Anak Biju [Saratok]
14. YB Dr. Hajah Halimah Ali [Kapar]
15. YBrs. Dr. Nizam Mydin bin Bacha Mydin - Setiausaha PAC /
Setiausaha Dewan Rakyat

**WAKIL TETAP KERAJAAN DALAM PAC
(EX-OFFICIO PAC PARLIMEN)**

1. Jabatan Peguam Negara (AGC)
2. Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA)
3. Kementerian Kewangan Malaysia (MOF)
4. Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM)
5. Jabatan Audit Negara (JAN)
6. Kementerian Ekonomi
7. Jabatan Akauntan Negara Malaysia (JANM)

KANDUNGAN

MUKA SURAT 2

PENDAHULUAN

MUKA SURAT 2 - 3

LATAR BELAKANG

MUKA SURAT 4 - 12

**TINDAKAN SUSULAN YANG DIAMBIL BAGI
SYOR-SYOR PAC PARLIMEN**

MUKA SURAT 13

PENUTUP

LAPORAN PROSIDING (HANSARD)

***PENYATA TINDAKAN SUSULAN
KEMENTERIAN DALAM NEGERI
BERHUBUNG PEROLEHAN SISTEM
FOREIGN WORKERS CENTRALIZED
MANAGEMENT SYSTEM (FWCMS)***





**PENYATA JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA
PARLIMEN**

**TERHADAP TINDAKAN SUSULAN
KEMENTERIAN DALAM NEGERI**

**BAGI SYOR-SYOR
PENYATA PAC PARLIMEN**

BERHUBUNG

**PEROLEHAN SISTEM *FOREIGN WORKERS CENTRALIZED
MANAGEMENT SYSTEM* (FWCMS)**

(DR.4/2025)

1. PENDAHULUAN

- 1.1 Pada 6 November 2024, Jawatankuasa Kira-Kira Wang Negara telah mengadakan prosiding tindakan susulan berhubung maklum balas Kementerian Dalam Negeri (KDN) dan Kementerian Sumber Manusia (KESUMA) terhadap penyata PAC mengenai Sistem Pengurusan Pekerja Asing Bersepadu (ePPAx) dan *Foreign Workers Centralized Management System* (FWCMS).
- 1.2 PAC juga telah memberikan ulasan dalam Laporan Tindakan Susulan Pegawai Pengawal Terhadap Syor-Syor Penyata PAC Parlimen berhubung Pengurusan Pekerja Asing melalui sistem ePPAx dan FWCMS serta telah membentangkan penyata berkenaan di Parlimen pada 21 November 2024.
- 1.3 Susulan daripada pembentangan penyata berkenaan, banyak pihak membangkitkan kewajaran Kerajaan untuk menandatangani perjanjian berkenaan selepas enam (6) tahun Surat Setuju Terima (SST) dikeluarkan iaitu pada 2018. Selain itu, kadar caj bayaran yang dipersetujui iaitu sebanyak RM215 juga dilihat tinggi berbanding dengan apa yang dilaporkan kepada PAC sebelum ini. Berikutan itu, PAC bersetuju untuk memulakan prosiding terhadap isu ini dengan menggunakan tajuk Perolehan *Foreign Workers Centralized Management System* (FWCMS) pada 10 Disember 2024.

2. LATAR BELAKANG

- 2.1 PAC telah membentangkan Penyata PAC Parlimen (DR.4/2025) bertajuk Perolehan FWCMS di bawah KDN di Dewan Rakyat pada 6 Mac 2025.
- 2.2 Dalam penyata berkenaan, PAC telah mengemukakan rumusan dan empat (4) syor yang perlu diambil tindakan oleh KDN iaitu:

- i. KDN hendaklah memaklumkan mengenai mekanisme kutipan caj RM215 dan kaedah pembayaran kepada Bestinet yang telah dimuktamadkan serta diluluskan.
- ii. KDN perlu menjelaskan kaedah terbaik dalam mengoptimumkan FWCMS sehingga tahun 2031 memandangkan pembangunan sistem NISe dijangka siap pada 2028.
- iii. KDN haruslah meningkatkan kawalan keselamatan siber termasuk sistem dan data terhadap FWCMS memandangkan sistem ini diuruskan oleh syarikat Bestinet.
- iv. Kerajaan perlu mematuhi sepenuhnya prosedur perolehan dan segala peraturan kerajaan berkaitan yang sedia ada dan sedang berkuat kuasa.

2.3 KDN telah mengemukakan Laporan Tindakan Susulan Interim terhadap Syor-syor PAC pada 7 April 2025.

2.4 Berikutan itu, PAC telah mengadakan Prosiding Tindakan Susulan Pegawai Pengawal ke atas Syor-syor PAC Parlimen berhubung Perolehan Sistem FWCMS di bawah KDN pada 19 Mei 2025 melalui mandat dan punca kuasa seperti berikut:

- i. Peraturan Mesyuarat 83 (2) Peraturan-peraturan Majlis Mesyuarat Dewan Rakyat (PPMMDR);
- ii. Perkara 12, Arahan Perbendaharaan (Pindaan 2023); dan
- iii. Seksyen 5 (3) (d), Pekeliling Am No. 1 Tahun 2024 Organisasi Kementerian-Kementerian.

***TINDAKAN SUSULAN BAGI
SYOR-SYOR PAC
(DR.4/2025)***




3. TINDAKAN SUSULAN BAGI SYOR-SYOR PENYATA PAC PARLIMEN (DR. 4/2025)

3.1 Syor PAC (1): KDN hendaklah memaklumkan mengenai mekanisme kutipan caj RM215 dan kaedah pembayaran kepada Bestinet yang telah dimuktamadkan serta diluluskan.

Maklum balas KDN:

- 3.1.1 Kaedah pembayaran kepada Bestinet dibuat melalui Arahan Pembayaran Kerajaan berdasarkan tuntutan invoice pihak syarikat bagi keseluruhan jumlah Pas Lawatan Kerja Sementara (PLKS) atau ePLKS yang berjaya dikeluarkan. Pihak syarikat perlu mengemukakan tuntutan invoice secara bulanan yang perlu disahkan oleh Bahagian Pekerja Asing, Jabatan Imigresen Malaysia (JIM).
- 3.1.2 Bayaran caj perkhidmatan kepada pihak syarikat berjumlah RM215 tersebut akan menggunakan peruntukan mengurus semasa KDN yang disalurkan oleh Kementerian Kewangan (MOF) di bawah Pusat Tanggungjawab Ibu Pejabat Jabatan Imigresen Malaysia. MOF telah menyalurkan peruntukan sebanyak RM44.636 juta untuk pembayaran bagi tuntutan bulan November 2024 sehingga Mac 2025. Permohonan peruntukan tambahan akan dibuat oleh JIM melalui KDN kepada MOF untuk tujuan pembayaran selanjutnya.
- 3.1.3 Mekanisme dan kaedah pembayaran caj perkhidmatan adalah seperti carta berikut:

PENYATA JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA PARLIMEN
TERHADAP TINDAKAN SUSULAN KEMENTERIAN DALAM NEGERI
BAGI SYOR-SYOR PENYATA PAC PARLIMEN BERHUBUNG
PEROLEHAN SISTEM FOREIGN WORKERS CENTRALIZED MANAGEMENT SYSTEM (FWCMS)
(DR. 4/2025)



3.1.4 Setakat 19 Mei 2025, jumlah tuntutan Bestinet yang telah disahkan oleh Bahagian Pekerja Asing, JIM untuk pembayaran adalah seperti jadual berikut:

Bulan	Pembayaran	
	Jumlah (RM)	Status
November 2024	174,614.40	Selesai
Disember 2024	249,847.20	Selesai
Januari 2025	1,154,034.00	Selesai
Februari 2025	11,157,210.00	Selesai
Mac 2025	34,772,646.60	Dalam tindakan
April 2025	38,780,186.40	Dalam tindakan

Ulasan PAC:

PAC mengambil maklum mengenai perkara-perkara berikut:

- i. Caj RM215 adalah bayaran perkhidmatan yang dibayar oleh kerajaan kepada Bestinet bagi setiap PLKS yang dikeluarkan, bukan oleh pekerja asing secara langsung.
- ii. Pembayaran kepada Bestinet dibuat melalui Arahan Pembayaran Kerajaan. Ini berdasarkan invois yang disahkan oleh Bahagian Pekerja Asing, JIM.
- iii. Bayaran caj perkhidmatan RM215 menggunakan peruntukan mengurus semasa KDN yang disalurkan oleh MOF.
- iv. Walaupun caj RM215 dibayar oleh kerajaan, KDN sedang mengkaji kemungkinan untuk menaikkan caj-caj sedia ada seperti *multi-tier levy*, visa dan fi pemprosesan. Selain itu, perancangan untuk *multi-tier levy* oleh KESUMA telah dibentangkan di Parlimen, dan ini adalah salah satu cara yang sedang dipertimbangkan untuk menampung kos RM215.

Secara ringkasnya pelaksanaan caj RM215 melibatkan pembayaran langsung oleh kerajaan kepada Bestinet menggunakan peruntukan KDN. Namun, terdapat perancangan dan kajian untuk menaikkan caj-caj lain yang dikenakan kepada majikan dan pekerja asing, sebagai satu mekanisme oleh kerajaan bagi mengurangkan kebergantungan terhadap tenaga kerja asing. Proses ini masih dalam peringkat kajian dan perancangan.

PAC menyarankan supaya perkara ini dilaksanakan secara telus setelah mempertimbang semua aspek terutama berkaitan dengan kos pelaksanaan perniagaan (*cost of doing business*) yang kini semakin meningkat.

3.2 Syor PAC (2): KDN perlu menjelaskan kaedah terbaik dalam mengoptimumkan FWCMS sehingga tahun 2031 memandangkan pembangunan sistem NISe dijangka siap pada 2028.

Maklum balas KDN:

Optimumkan Penggunaan FWCMS

3.2.1 Berdasarkan kontrak yang telah ditandatangani di antara Kerajaan dan syarikat Bestinet, pihak syarikat akan Membangun, Membekal, Menyedia dan Menyelenggara Sistem Pengurusan Berpusat Pekerja Asing (FWCMS).

3.2.2. Skop kerja yang terlibat adalah seperti berikut:

- i. Membuat kajian keperluan Kerajaan;
- ii. Mereka bentuk dan membangun FWCMS;
- iii. Membekal, menghantar, memasang, menguji dan mentauliah infrastruktur termasuk lesen baru/tambahan untuk melaksana FWCMS;
- iv. Mengoperasi FWCMS;
- v. Memperbaharui lesen-lesen perisian;
- vi. Melaksana Penyelenggaraan Pencegahan dan Penyelenggaraan Pembaikan;
- vii. Menyedia Pusat Sokongan dan Perkhidmatan;
- viii. Menyedia perkhidmatan helpdesk;
- ix. Menaiktaraf FWCMS;
- x. Melaksana latihan, pemindahan teknologi dan pengurusan perubahan;
- xi. Menyedia seni bina sistem aplikasi, infra rangkaian setempat dan rangkaian luas.

3.2.3. Syarikat juga hendaklah, tanpa sebarang kos dan perbelanjaan kepada Kerajaan, tidak lewat daripada enam (6) bulan sebelum tamat perjanjian untuk menyerahkan FWCMS kepada Kerajaan.

Integrasi bersama sistem NISe

- 3.2.4. Sistem NISe yang akan dibangunkan kelak akan menggantikan sistem MyIMMs sedia ada. Apabila sistem NISe telah bersedia untuk digunakan, penggunaan sistem FWCMS ini masih kekal sebagai pengantara di antara pihak majikan dan sistem sedia Jabatan Imigresen Malaysia. Ia akan meneruskan fungsi sebagai sistem berpusat pengambilan pekerja asing sehingga kontrak tamat pada tahun 2031.

Ulasan PAC:

KDN perlu sentiasa memastikan bahawa tiada pertindihan dan pembaziran sumber berlaku di antara penggunaan FWCMS dan NISe.

3.3 Syor PAC (3): KDN haruslah meningkatkan kawalan keselamatan siber termasuk sistem dan data terhadap FWCMS memandangkan sistem ini diuruskan oleh syarikat Bestinet.

Maklum balas KDN:

- 3.3.1. Antara pandangan yang telah dikemukakan oleh Jabatan Digital Negara semasa proses perolehan FWCMS adalah berkenaan dengan isu pemilikan *source code* yang seharusnya menjadi hak milik Kerajaan sepenuhnya. Elemen pemilikan *source code* merupakan elemen wajib di dalam mana-mana klausa perolehan ICT bagi mengelakkan keadaan *over dependency* yang boleh merugikan Kerajaan. Dalam Kontrak Perjanjian Untuk Membangun, Membekal, Menyedia Dan Menyelenggara Sistem Pengurusan Berpusat Pekerja Asing, telah terdapat klausa yang menjamin kawalan dan keselamatan data iaitu Klausa 9. Dalam klausa ini, dinyatakan bahawa semua laporan, data, maklumat dan bahan-bahan lain, yang disediakan oleh Kerajaan atau Syarikat, hendaklah kekal sepanjang masa menjadi milik Kerajaan. Selain itu, klausa ini juga menghendaki supaya capaian kepada Data Kerajaan hendaklah diberikan kepada kakitangan Syarikat atau pekerja yang diberi kuasa oleh Syarikat dan diluluskan oleh Kerajaan.
- 3.3.2. Pandangan lain JDN adalah berkaitan dengan pemilikan Super ID oleh pegawai-pegawai Kerajaan yang dilantik. KDN diberikan akses penuh terhadap pengurusan dan kawalan ID bagi memastikan pemantauan terhadap pengwujudan dan pembatalan ID bagi penggunaan sistem FWCMS dapat dibuat secara berkala. Ianya juga adalah antara elemen penting yang telah diberi perhatian khusus di dalam kontrak baharu. Pemilikan Super ID ini merupakan langkah pencegahan (*deterrence measure*) bagi mengelak dan mencegah sebarang intrusi oleh individu-

individu yang tidak diberikan kuasa meluluskan kuota. Dalam hal ini, antara tindakan pengukuhan kawalan dan capaian ID yang sedang dilaksanakan adalah seperti berikut:

- a. Syarikat sedang membangunkan *dashboard* utama bagi pemantauan ID pengguna FWCMS bagi meningkatkan pengurusan pemantauan ID di pihak KDN yang dijangka selesai sebelum 30 Jun 2025;
- b. Penambahbaikan Super ID bagi pematuhan terhadap Polisi Keselamatan Siber KDN juga sedang dilaksanakan oleh Syarikat melibatkan pewujudan *username* yang unik, pengukuhan kata laluan dengan 12 aksara dan pelaksanaan *Multi Factor Authentication* (MFA) semasa log masuk. Penambahbaikan ini dijangka selesai pada 30 Mei 2025; dan
- c. Super ID bagi pihak Kerajaan mempunyai *unlimited access* kepada keseluruhan sistem bagi tujuan intervensi sekiranya diperlukan.

3.3.3. Memandangkan tempoh kontrak ini berjalan selama enam (6) tahun, isu penaiktarafan sistem juga telah dimasukkan didalam salah satu terma kontrak dimana syarikat dikehendaki menaik taraf sistem dan penggantian perkakasan (*hardware*) sekurang-kurangnya sekali dalam masa tiga (3) tahun. Klausula ini dimasukkan memandangkan *maximum lifespan* untuk sesuatu teknologi termasuklah *software* dan *hardware* adalah tidak melebihi tiga (3) atau empat (4) tahun sahaja.

3.3.4. Mengambil kira bahawa sistem ini adalah merupakan kali pertama digunakan oleh KDN, latihan yang mencukupi perlu diberikan bagi tujuan sistem *familiarization*. Latihan ini juga perlu melibatkan pegawai-pegawai dari kementerian dan agensi lain terutamanya pegawai dari Kementerian Sumber Manusia, Jabatan Tenaga Kerja Semenanjung Malaysia dan Agensi Kawal Selia seperti Kementerian Pelaburan, Perdagangan dan Industri

(Pembuatan dan Perkilangan), Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (Peruncitan dan Pergudangan), Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (Pertanian dan Penternakan) dan Kementerian Perlindungan dan Komoditi (Perlindungan). Penglibatan agensi lain selain daripada KDN adalah penting kerana setiap agensi mempunyai peranan yang spesifik di dalam setiap modul yang ada di dalam sistem FWCMS (contoh: modul eQuota yang melibatkan bukan sahaja KDN tetapi juga KESUMA) dan penglibatan mereka akan memastikan *workflow system* dapat berjalan dengan lebih efektif dan efisien.

- 3.3.5. Mesyuarat Jawatankuasa Induk dan Teknikal Bagi Pemantauan Sistem FWCMS Bii. 1/2025 pada 14 April 2025 memutuskan agar satu Jawatankuasa Teknikal Dan Integrasi Sistem FWCMS (JKTI) dibentuk bagi menguruskan perkara-perkara berkaitan sistem FWCMS. JKTI ini diketuai oleh Setiausaha Bahagian Pengurusan Teknologi Maklumat (SUB IT), KDN di mana semua isu berkaitan Super ID, integrasi sistem, konfigurasi IP dan perkara-perkara lain berkaitan IT akan dipantau. JKTI telah mengadakan mesyuarat pertama pada 8 Mei 2025 dan dianggotai oleh wakil-wakil daripada IM, IT, JIM, JTKSM dan Syarikat. JKTI akan melaporkan kepada Jawatankuasa Induk Pemantauan Sistem FWCMS yang diketuai oleh Timbalan Ketua Setiausaha (Dasar dan Kawalan), KDN dan akan mengadakan mesyuarat sekurang-kurangnya sekali setiap bulan ataupun apabila diperlukan.

Ulasan PAC:

PAC amat menekankan mengenai kepentingan keselamatan siber dan kawalan akses terhadap FWCMS dan mengambil maklum bahawa KDN telah mengambil langkah-langkah seperti memastikan pemilikan *source code*, pemilikan Super ID

oleh pegawai kerajaan, dan pembentukan Jawatankuasa Teknikal dan Integrasi Sistem FWCMS untuk menangani isu ini.

Oleh itu, PAC menggesa KDN supaya sentiasa meningkatkan kawalan keselamatan siber termasuk sistem dan data terhadap FWCMS. Ini penting memandangkan sistem tersebut diuruskan oleh syarikat Bestinet. PAC ingin memastikan bahawa data dan sistem Kerajaan sentiasa dilindungi. PAC tidak mahu kes penyalahgunaan ID berulang lagi.

3.4 Syor PAC (4): Kerajaan perlu mematuhi sepenuhnya prosedur perolehan dan segala peraturan kerajaan berkaitan yang sedia ada dan sedang berkuat kuasa.

Maklum balas KDN:

- 3.4.1 KDN mengambil maklum syor tersebut dan sentiasa mematuhi pekeliling dan peraturan perolehan yang berkuat kuasa yang dikeluarkan oleh Kementerian Kewangan (MOF) dan Jabatan Digital Negara (JDN) bagi sebarang perolehan ICT di KDN termasuk agensi-agensi di bawah KDN.
- 3.4.2. Tatacara Pelaksanaan Tatakelola Pengurusan dan Perolehan Projek ICT bagi RMKe-13 *Rolling Plan* 1 (RP1) telah dimaklumkan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Pemandu ICT KDN dan telah diedarkan kepada Jabatan dan Agensi di bawah KDN pada 18 Julai 2024. Taklimat oleh JDN mengenai Tatakelola Pengurusan dan Perolehan Projek ICT RMKe-13 kepada golongan sasaran penerima maklumat/peserta yang terlibat daripada Bahagian/Jabatan/Agensi berkaitan telah diadakan pada 16 Mei 2024.
- 3.4.3. KDN juga telah mengeluarkan *Standard Operating Procedure* (SOP) Dasar Perolehan Awam (DPA) KDN bagi Bahagian/Jabatan/Agensi (BJA) di bawah KDN pada 9 September 2024 bagi menjelaskan proses perolehan bekalan dan perkhidmatan di KDN serta peranan dan tanggungjawab pegawai berkaitan bagi memastikan perancangan dan tadbir urus pelaksanaan perolehan yang lebih teratur, berkesan dan memenuhi keperluan BJA. Antara kandungan SOP berkenaan adalah melibatkan carta alir proses, tindakan dan dokumen-dokumen yang perlu disediakan oleh Bahagian/Jabatan/Agensi di bawah KDN bagi memastikan semua pihak jelas mengenai tatacara dan proses yang perlu dilaksanakan dan dipatuhi.

Hal ini bagi memastikan proses perolehan dilaksanakan dengan teratur selaras dengan ketetapan prosedur semasa yang berkuatkuasa.

Ulasan PAC:

PAC berharap KDN mengambil iktibar atas apa yang telah berlaku. PAC menekankan supaya KDN sentiasa memastikan semua peringkat dalam proses perolehan yang dibuat adalah mematuhi peraturan Kerajaan yang berkuat kuasa.

5. PENUTUP

PAC Parlimen mengambil maklum terhadap tindakan susulan yang diambil Pegawai Pengawal ke atas syor-syor PAC Parlimen dalam Laporan PAC Parlimen DR. 4/2025.

JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA (PAC) PARLIMEN



LAPORAN PROSIDING (HANSARD)

**TINDAKAN SUSULAN
KEMENTERIAN PADA
ISNIN, 19 MEI 2025**





MALAYSIA

LAPORAN PROSIDING (HANSARD)

Isnin, 19 Mei 2025

MESYUARAT JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA

**Prosiding:
Prosiding Tindakan Susulan
Perolehan Sistem Foreign Workers
Centralized Management System (FWCMS)
di bawah Kementerian Dalam Negeri (KDN)**

- (i) Kementerian Dalam Negeri**
YBhg. Datuk Haji Makhzan bin Mahyuddin,
Timbalan Ketua Setiausaha (Dasar dan Kawalan)

**PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KELIMA BELAS**

MESYUARAT JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA

BILIK JAWATANKUASA 1, BLOK UTAMA BANGUNAN PARLIMEN, PARLIMEN MALAYSIA

ISNIN, 19 MEI 2025

AHLI-AHLI JAWATANKUASA

Hadir

YB. Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh] - *Naib Pengerusi*
YB. Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]
YB. Tuan Ts. Zahir bin Hasan [Wangsa Maju]
YB. Tuan Haji Azli bin Yusof [Shah Alam]
YB. Tuan Syahredzan bin Johan [Bangi]
YB. Dato' Mohd Isam bin Mohd Isa [Tampin]
YB. Dr. Hajah Halimah Ali [Kapar]
YB. Tuan Ahmad Tarmizi bin Sulaiman [Sik]

Tidak Hadir (Dengan Maaf)

YB. Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Masjid Tanah] - *Pengerusi*
YB. Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Kubang Pasu]
YB. Dr. Richard Rapu @ Aman anak Begri [Betong]
YB. Datuk Ali anak Biju [Saratok]
YB. Dato' Adnan bin Abu Hassan [Kuala Pilah]
YB. Puan Vivian Wong Shir Yee [Sandakan]

URUS SETIA

Encik Mohd Sukri bin Busro [Ketua Penolong Setiausaha (Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara) Parlimen Malaysia]
Encik Mohamad Tarmizi bin Ahmad [Penasihat Undang-undang I, Parlimen Malaysia]
Puan Aidahanie binti Baharuddin [Penolong Setiausaha Kanan (Pejabat Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara) Parlimen Malaysia]
Puan Siti Noor Akmar binti Zulkafli [Juruaudit (Pejabat Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara) Parlimen Malaysia]
Encik Muhammad Zydil Iman bin Zulkefli [Juruaudit (Pejabat Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara) Parlimen Malaysia]
Puan Farah binti Mohamed Rafiee [Penolong Setiausaha (Pejabat Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara) Parlimen Malaysia]

HADIR BERSAMA

Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA)

Encik Ahmad Azhan bin Mohd Noh@Mohamed Nor [Timbalan Pengarah Kanan (Bahagian Perkhidmatan JPA)]

Kementerian Kewangan Malaysia (MoF)

Encik Nurul Allbiir bin Nordin [Penolong Setiausaha Kanan (Bahagian Kawalan Kewangan Strategik dan Korporat)]

Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM)

Encik P.Gunalan Perumal [Penolong Kanan Pesuruhjaya (Bahagian Penyiasatan Tatakelola)]

Puan Nor Faemah binti Ismail [Pegawai Siasatan (Bahagian Penyiasatan Tatakelola)]

Puan Sharimah binti Mat Zin [Penguasa Kanan (Bahagian Penyiasatan Tatakelola)]

Jabatan Audit Negara (JAN)

Puan Yuhanis binti Mohamed Zaki [Penolong Pengarah Audit (Sektor Audit Prestasi)]

Puan Normah binti Mustaffa [Penolong Juruaudit (Sektor Audit Prestasi)]

Kementerian Ekonomi (KE)

Encik Mohd Sukri bin Mat Jusoh [Pengarah (Bahagian Bajet Pembangunan)]

Jabatan Akauntan Negara (JANM)

Encik Shaleh bin Hussain [Akauntan (BPOPA)]

HADIR BERSAMA

SAKSI

Kementerian Dalam Negeri

YBhg. Datuk Haji Makhzan bin Mahyuddin [Timbalan Ketua Setiausaha (Dasar dan Kawalan)]

Encik Ayob bin Abdul Rahman [Pengarah (Bahagian Pekerja Asing)]

Encik Hapdzan bin Husaini [Pengarah [Jabatan Imigresen Malaysia]]

YBrs. Dr. Hebat Hisam bin Mohd Yusoff [Timbalan Setiausaha Bahagian (Bahagian Hal Ehwal Imigresen)]

Puan Maizatul Khairumie binti Mansorudin [Timbalan Setiausaha Bahagian (Bahagian Audit Dalam)]

Puan Siti Zubaidah binti Abdul Latif [Ketua Penolong Setiausaha (Bahagian Perolehan KDN)]

Encik Mohd Fairuze bin Mohd Fadzil [Ketua Penolong Setiausaha (Bahagian Pengurusan Teknologi Maklumat)]

Encik Andinor bin Anuar [Ketua Penolong Setiausaha (Bahagian Hal Ehwal Imigresen)]

Puan Fateha Nur Feka binti Lut [Penolong Setiausaha (Bahagian Hal Ehwal Imigresen)]

Encik Saipul Bahari bin Hassan [Penolong Setiausaha (Bahagian IT)]

Puan Sharifah Norfaezah binti Syed Zainuddin [Juruaudit (Bahagian Audit Dalam)]

LAPORAN PROSIDING

**MESYUARAT JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA
PARLIMEN KELIMA BELAS, PENGGAL KEEMPAT**

**BILIK JAWATANKUASA 1,
PARLIMEN MALAYSIA, KUALA LUMPUR**

ISNIN, 19 MEI 2025

Mesyyuarat dimulakan pada pukul 2.06 petang

*[Yang Berhormat Puan Teresa Kok Suh Sim **mempengerusikan Mesyyuarat**]*

Puan Teresa Kok Suh Sim [Naib Pengerusi PAC]: Salam sejahtera, selamat petang dan selamat datang saya ucapkan kepada Yang Berhormat Ahli-ahli PAC Parlimen Kelima Belas, ahli-ahli ex-officio PAC terdiri daripada Jabatan Perkhidmatan Awam, Kementerian Kewangan, Jabatan Audit Negara, Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia, Kementerian Ekonomi, Jabatan Akauntan Negara dan Penasihat Undang-undang Parlimen selaku wakil Jabatan Peguam Negara.

Terima kasih kerana hadir dalam mesyyuarat petang ini. Sebelum itu saya ingin menyampaikan dan permohonan maaf daripada— *where is it?* Kenapa hilang? *Why? Sorry* tergendala sekejap. Mana ini?

[Terdapat masalah teknikal di komputer Naib Pengerusi PAC]

[Pembesar suara dimatikan]

Puan Teresa Kok Suh Sim [Naib Pengerusi PAC]: Mohon maaf tadi tiba-tiba semua ini hilang. Okay, sebelum itu saya ingin menyampaikan salam dan permohonan maaf daripada Pengerusi PAC yang tidak dapat hadir mempengerusikan mesyyuarat pada hari ini kerana menghadiri Asia-Pacific PAC Regional Workshop di Nadi, Fiji mulai 19 hingga 21 Mei.

Yang Berhormat Ahli-ahli Mesyyuarat sekalian, prosiding tindakan susulan perolehan sistem Foreign Workers Centralized Management System (FWCMS) di bawah Kementerian Dalam Negeri petang ini adalah untuk mendapatkan penjelasan dan maklum balas daripada Kementerian Dalam Negeri (KDN) terhadap syor-syor PAC dalam penyata PAC DR.4/2025 yang telah dibentangkan di Parlimen pada 6 Mac 2025.

Untuk makluman semua, prosiding perolehan sistem Foreign Workers Centralized Management System (FWCMS) yang diadakan bermula pada 10 Disember 2024 hingga 3 Februari 2025 menggunakan punca kuasa Peraturan

Mesyuarat 77(1)(d) berikutan PAC tidak menggunakan isu yang dilaporkan dalam Laporan Ketua Audit Negara.

■1410

Sehubungan itu, bagi prosiding tindakan susulan hari ini, PAC menggunakan punca kuasa Arahan Perbendaharaan 12 dan Pekeliling Am Nombor 1(2024), Jabatan Perdana Menteri, bukannya AP304(B) yang memerlukan kehadiran Ketua Setiausaha Perbendaharaan seperti kebiasaannya.

Untuk makluman dan tindakan pihak kementerian, PAC masih belum lagi menerima laporan muktamad tindakan susulan secara bertulis. Dipohon supaya laporan tersebut dikemukakan dengan kadar segera kepada jawatankuasa ini.

Yang Berhormat ahli-ahli mesyuarat sekalian, dalam Penyata PAC Perolehan Sistem *Foreign Workers Centralized Management System* (FWCMS) terdapat empat syor PAC yang dikemukakan kepada KDN iaitu:

- (i) KDN hendaklah memaklumkan mengenai mekanisme kutipan caj RM215 dan kaedah pembayaran kepada Bestinet yang telah dimuktamadkan serta diluluskan;
- (ii) KDN perlu menjelaskan kaedah terbaik dalam mengoptimumkan FWCMS sehingga tahun 2031 memandangkan pembangunan sistem NIISe dijangka siap pada tahun 2028;
- (iii) KDN haruslah meningkatkan kawalan keselamatan siber termasuk sistem dan data terhadap FWCMS memandangkan sistem ini diuruskan oleh syarikat Bestinet;
- (iv) kerajaan perlu mematuhi sepenuhnya prosedur perolehan dan segala peraturan kerajaan berkaitan yang sedia ada dan sedang berkuat kuasa.

Yang Berhormat ahli-ahli mesyuarat sekalian, hadir bagi memberi penjelasan kepada PAC dalam prosiding pada hari ini ialah:

- (i) Yang Berbahagia Datuk Haji Makhzan bin Mahyuddin, Timbalan Ketua Setiausaha (Dasar dan Kawalan) KDN yang menggantikan Yang Berbahagia Datuk Awang Alik bin Jeman, Ketua Setiausaha KDN yang tidak dapat hadir pada petang ini.
- (ii) Yang Berusaha Dr. Hebat Hisam bin Mohd Yusuf, Timbalan Setiausaha Bahagian (TSUB), Bahagian Hal Ehwal Imigresen KDN dan;
- (iii) Yang Berusaha Tuan Ayob bin Abdul Rahman, Pengarah Bahagian Pekerja Asing Jabatan Imigresen Malaysia.

Jadi, tanpa membuang masa saya menjemput Yang Berbahagia Datuk untuk memulakan pembentangan. Sekian, terima kasih.

Datuk Haji Makhzan bin Mahyuddin [Timbalan Ketua Setiausaha (Dasar dan Kawalan)]: *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Salam sejahtera, selamat petang. Terima kasih saya ucapkan kepada Yang Berhormat Puan Teresa Kok Suh Sim, Naib Pengerusi Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara; Yang Berhormat Ahli-ahli Jawatankuasa Wang Negara dan Sekretariat Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara (PAC) yang telah menjemput Ahli Jawatankuasa Induk Sistem Pengurusan *Foreign Workers Centralized Management System* (FWCMS) untuk hadir mesyuarat prosiding Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara pada tengah hari ini.

Bersama-sama saya seperti yang dimaklumkan ialah Yang Berusaha Dr. Hebat Hisam, beliau adalah Setiausaha Bahagian, bukan Timbalan Setiausaha. Setiausaha Bahagian, Bahagian Imigresen KDN dan Tuan Ayob, Pengarah Bahagian Pekerja Asing Jabatan Imigresen Malaysia.

Pertama, saya ingin sampaikan salam dan maaf Yang Berbahagia Datuk Awang Alik bin Jeman, Ketua Setiausaha Kementerian Dalam Negeri yang tidak dapat hadir mesyuarat pada petang ini. Surat pemakluman kepada Setiausaha Dewan telah dikemukakan pada 15 Mei memaklumkan beliau tidak dapat hadir atas komitmen lain dan juga menyertai program di LIMA Langkawi.

Yang Berhormat ahli-ahli Mesyuarat, untuk makluman semua, KDN telah membentangkan berkaitan perolehan FWCMS pada mesyuarat prosiding Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara sebelum ini. Lanjutan itu, KDN juga telah menerima Laporan Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara, Parlimen Kelima Belas untuk tindakan susulan dan empat syor yang telah dikemukakan.

Justeru Yang Berhormat, pada hari ini saya akan membentangkan tindakan susulan yang telah dilaksanakan bagi setiap syor tersebut. Yang pertama, KDN hendaklah memaklumkan mengenai mekanisme kutipan caj RM215 dan kaedah pembayaran kepada Bestinet yang telah dimuktamadkan serta diluluskan.

Untuk makluman, pembayaran kepada pihak syarikat telah dimuktamadkan adalah secara tuntutan berdasarkan bilangan ePLKS atau PLKS yang dikeluarkan. Kaedah bagi kutipan caj RM215 bagi setiap pekerja asing kepada syarikat adalah bermula dengan majikan membuat bayaran secara atas talian melalui sistem MyImigresen di mana pembayaran ini akan dimasukkan ke dalam Akaun Hasil Disatukan sebagai liabiliti. Kemudian, inouis daripada syarikat akan dihantar ke Bahagian Kewangan, Jabatan Imigresen dan pengesan inouis dilakukan oleh Bahagian Pekerja Asing, Jabatan Imigresen. Seterusnya, pembayaran kepada pihak

syarikat dilaksanakan oleh Bahagian Kewangan, Jabatan Imigresen dan salinan invois dan bukti pembayaran pula dihantar ke KDN sebagai rujukan.

Seterusnya, syor kedua ialah KDN perlu menjelaskan kaedah terbaik dalam mengoptimumkan FWCMS sehingga tahun 2031 memandangkan pembangunan sistem NISe dijangka siap pada tahun 2028. Ahli-ahli Yang Berhormat, berdasarkan kontrak yang telah ditandatangani di antara kerajaan dengan syarikat Bestinet dalam mengoptimumkan penggunaan FWCMS, pihak syarikat akan melaksanakan skop kerja yang terlibat dalam membangun, membekal, menyedia dan menyelenggara sistem tersebut. Antara skop kerja lain adalah pihak syarikat juga terlibat dalam pengoperasian dan melaksanakan latihan serta pemindahan teknologi.

Di samping itu, dengan pembangunan sistem NISe kelak yang akan menggantikan sistem MyImigresen sedia ada, penggunaan sistem FWCMS masih kekal sebagai perantara di antara pihak majikan dan sistem sedia ada Jabatan Imigresen Malaysia apabila NISe telah bersedia untuk digunakan. Sistem FWCMS ini akan meneruskan fungsi sebagai sistem berpusat pengambilan pekerja asing sehingga kontrak tamat pada tahun 2031 kelak.

Selain itu, syarikat juga hendaklah tanpa sebarang kos dan perbelanjaan kepada kerajaan tidak lewat dari enam bulan sebelum tamat perjanjian untuk menyerahkan FWCMS kepada kerajaan.

Syor yang ketiga iaitu KDN haruslah meningkatkan kawalan keselamatan siber termasuk sistem dan data terhadap FWCMS memandangkan sistem ini diuruskan oleh syarikat Bestinet. KDN mengambil maklum syor tersebut dan sentiasa mematuhi pekeliling dan peraturan Perolehan ICT yang berkuat kuasa.

Antara pandangan yang telah dikemukakan oleh Jabatan Digital Negara semasa proses perolehan adalah berkenaan dengan isu pemilikan *source code* yang seharusnya menjadi hak milik kerajaan sepenuhnya. Elemen pemilikan *source code* merupakan elemen wajib dalam mana-mana klausa perolehan ICT bagi mengelakkan keadaan *over dependency* yang boleh merugikan kerajaan.

Pandangan lain KDN adalah berkaitan pemilikan super ID oleh pegawai-pegawai kerajaan yang dilantik. Ianya juga adalah antara elemen penting yang telah diberi perhatian khusus di dalam kontrak baharu. Pemilikan super ID ini merupakan langkah pencegahan bagi mengelak dan mencegah sebarang intrusi oleh individu-individu yang tidak diberikan kuasa meluluskan kuota.

Dalam hal ini, antara penambahbaikan yang dibuat ialah super ID bagi pihak kerajaan bukan sahaja untuk pemantauan *dashboard* tetapi juga mempunyai akses penuh kepada keseluruhan sistem bagi tujuan intervensi sekiranya diperlukan dan juga pemantauan dibuat secara berkala.

Memandangkan tempoh kontrak ini berjalan selama enam tahun, isu penaiktarafan sistem juga telah dimasukkan di dalam salah satu terma kontrak di mana syarikat dikehendaki menaik taraf sistem dan penggantian perkakasan sekurang-kurangnya sekali dalam masa tiga tahun. Klausula ini dimasukkan memandangkan maksimum *lifespan* untuk sesuatu teknologi termasuklah *software* dan *hardware* adalah tidak melebihi tiga atau empat tahun sahaja. Mengambil kira bahawa sistem ini adalah merupakan kali pertama digunakan oleh KDN, latihan yang mencukupi perlu diberikan bagi tujuan sistem *familiarisation*.

Latihan ini juga perlu melibatkan pegawai-pegawai dari kementerian dan agensi-agensi lain terutama pegawai dari Kementerian Sumber Manusia, Jabatan Tenaga Kerja Semenanjung Malaysia dan agensi kawal selia seperti Kementerian Pelaburan, Perdagangan dan Industri, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup, Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan dan Kementerian Perlindungan dan Komoditi.

■1420

Penglibatan agensi lain selain daripada KDN adalah penting kerana setiap agensi mempunyai peranan yang spesifik dalam setiap modul yang ada di dalam sistem FWCMS. Contohnya dalam modul eQuota yang melibatkan bukan sahaja KDN tetapi juga melibatkan KESUMA dan penglibatan mereka akan memastikan rakyat kerja pengurusan sistem dapat berjalan dengan lebih efektif dan efisien.

Satu Jawatankuasa Teknikal Sistem FWCMS juga akan dibentuk bagi menguruskan perkara-perkara berkaitan sistem FWCMS. Jawatankuasa ini dicadangkan untuk diketuai oleh Setiausaha Bahagian IT, Kementerian Luar Negeri di mana semua isu berkaitan supaya di integrasi sistem, konfigurasi IP dan perkara-perkara lain berkaitan IT akan dipantau oleh jawatankuasa ini. Jawatankuasa Teknikal Sistem FWCMS ini pula akan melaporkan kepada Jawatankuasa Pemantauan Sistem FWCMS yang diketuai oleh Timbalan Ketua Setiausaha Dasar dan Kawalan Kementerian Dalam Negeri, Jawatankuasa Teknikal Sistem ini juga akan mengadakan mesyuarat sekurang-kurangnya sekali setiap bulan ataupun apabila diperlukan.

Untuk syor yang keempat, kerajaan perlu mematuhi sepenuhnya prosedur perolehan dan segala peraturan kerajaan berkaitan yang sedia ada dan yang sedang berkuat kuasa. Untuk makluman Yang Berhormat, dokumen perjanjian kontrak untuk membangun, membekal, menyedia dan menyenggara Sistem Pengurusan Berpusat Pekerja Asing (FWCMS) di antara kerajaan dan Bestinet Sdn. Bhd. telah ditandatangani pada 3 September 2024.

Pemuktamadan ini juga dibuat berdasarkan keputusan sebagaimana yang terkandung di dalam satu Memorandum Jemaah Menteri bertarikh 29 Mei 2024. Satu Nota Jemaah Menteri bertarikh 14 Ogos 2024 dan satu minit ceraian bertarikh 6 Ogos 2024 yang telah diangkat kepada Yang Berbahagia Tan Sri Ketua Setiausaha Negara. Proses pemuktamadan ini turut melibatkan agensi daripada Jabatan Audit Negara, Unit Kerjasama Awam Swasta (UKAS). Bukti penglibatan adalah terkandung dalam minit ceraian yang telah diangkat kepada Tan Sri KSN pada 6 Ogos 2024 yang telah ditandatangani bersama oleh yang pertama, Datuk Haji Ruji bin Ubi (KSU KDN); yang kedua, Dato' Ahmad Terrirudin bin Mohd Salleh (Peguam Negara); yang ketiga, Datuk Seri Wan Ahmad Dahlan bin Haji Abdul Aziz (Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam), Dato' Sri Khairul Dzaimie bin Daud (Ketua Setiausaha Kementerian KESUMA), Yang Berbahagia Tan Sri Dato' Sri Shamsul Azri bin Abu Bakar (KP UKAS) dan Yang Berusaha Dr. Fazidah binti Abu Bakar (KP JDN). Di peringkat KDN dan ahli-ahli Jawatankuasa Induk FWCMS perkara-perkara yang telah dibentangkan ini akan dikemukakan untuk sebarang persoalan daripada Yang Berhormat dan Ahli-ahli Jawatankuasa Kira-kira Wang PAC. Sekian, terima kasih.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Naib Pengerusi PAC]: Terima kasih, ada pembentangan lain? *No?*

Datuk Hahi Makhzan bin Mahyuddin [KDN]: Tiada YB, itu sahaja.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Naib Pengerusi PAC]: Ok. Ya, sila Bayan Baru.

Tuan Sim Tze Tzin [Ahli PAC]: Terima kasih, Timbalan Pengerusi. Kalau boleh saya tanya beberapa soalan yang berkenaan dengan tindakan susulan ini. Kita fahami bahawa ini adalah *water under the bridge* sudah *sign*, kontrak sudah *sign*. Walau bagaimanapun saya rasa perlu ada penjelasan kepada rakyat di luar sana bagaimana RM215 ini, dia dikategorikan dalam mana? Sebab pada masa *last proceeding* belum ada ketetapan lagi bagaimana dia *insert*. Saya difahamkan ia dipecah-pecahkan kepada beberapa kategori dan diserapkan ke dalam pelbagai kategori.

Dr. Hebat Hisam bin Mohd Yusoff [KDN]: Kami kurang jelas soalan YB, YB.

Tuan Sim Tze Tzin [Ahli PAC]: Okey, RM215 ini *total*. Tetapi sebab kita tidak *create* satu kategori bahawa RM215, betul tidak? Jadi, dia dipecahkan mungkin RM30 kenaikan ePass, RM50 dekat tempat lain macam itu, kan? Saya difahamkan daripada *last*. Jadi, bolehkah terangkan bagaimana apa duit itu yang RM215 itu dalam kategori mana?

Dr. Hebat Hisam bin Mohd Yusoff [KDN]: Okey, untuk makluman YB dan juga ahli mesyuarat, RM215 itu merupakan bayaran yang dibayar oleh kerajaan bagi setiap PLKS yang dikeluarkan. Ini merupakan caj perkhidmatan. Bagi setiap satu

PLKS, nilai yang kerajaan akan masukkan ataupun bayar caj perkhidmatan kepada FW Bestinet adalah RM215. RM215 ini adalah termasuk perkhidmatan bagi 15 modul yang telah disediakan di mana modul ini bermula daripada peringkat awal sampailah Check Out Memo dikeluarkan setelah pekerja asing tersebut berada dalam tempoh maksimum 13 tahun di Malaysia. So, 215 itu merupakan caj perkhidmatan yang dibayar bagi keseluruhan modul perkhidmatan yang telah disediakan oleh syarikat Bestinet melalui sistem FWCMS, YB.

Tuan Sim Tze Tzin [Ahli PAC]: Ya betul, saya faham. RM215 ini kita kena bayar kepada Bestinet, cuma kerajaan kutip daripada PLKS.

Dr. Hebat Hisam bin Mohd Yusoff [KDN]: Yang kerajaan kutip itu ada empat komponen, YB.

Tuan Sim Tze Tzin [Ahli PAC]: Betul.

Dr. Hebat Hisam bin Mohd Yusoff [KDN]: Satu adalah levi, di mana levi berbeza mengikut sektor. Sebagai contoh, untuk sektor perladangan, levi nilai dia adalah lebih rendah berbanding sektor-sektor lain RM1,800 untuk pembinaan, itu satu.

Nombor dua YB, yang kerajaan kutip juga adalah visa yang mana berbeza mengikut negara. Sekiranya pekerja tersebut datang daripada India, visanya bernilai RM50 dan RM50 ini merupakan nilai yang tertinggi pada masa ini dan selain daripada dua bayaran tersebut, kita ada dua lagi bayaran iaitu satu bayaran untuk pas iaitu RM60 dan juga satu lagi *processing fee* untuk RM120. Inilah yang dikutip oleh kerajaan atas satu pekerja asing yang masuk ke dalam negara, YB.

Tuan Sim Tze Tzin [Ahli PAC]: Ya, ya saya faham. Maksudnya, ada pelbagai caj, contohnya caj PLKS, levi, *processing fee* dan lain-lain. Jadi, RM215 yang tambahan ini, dia diserapkan ke dalam— adakah kerajaan akan naik sedikit *processing fee* atau levi ke untuk *make up the* RM215? Itu soalan saya.

Dr. Hebat Hisam bin Mohd Yusoff [KDN]: Terima kasih, YB. Memang dalam perancangan untuk satu perancangan daripada KESUMA seperti mana yang saya rasa YB sendiri maklum sebab ada dibentangkan di dalam Parlimen berkenaan dengan *multi-tier levy*. Di mana ia merupakan satu mekanisme yang kerajaan tetapkan untuk kita *discourage* ataupun untuk kita *reduce our dependency on foreign workers* tersebut. Semakin banyak kita *employ foreign workers*, lagi banyaklah majikan akan bayar, itu satu.

Kemungkinan juga kita juga dalam sedang mengkaji untuk menaikkan visa tadi, YB. Sebab sekarang ini yang paling tinggi adalah RM50 untuk India. Itu yang paling tinggi sekarang ini. Selain itu juga, kita rasa kemungkinan juga kita akan buat kenaikan untuk *processing fee* tadi tersebut. Yang tiga perkara ini masih lagi dalam

kajian. Seperti mana yang telah saya jelaskan, berdasarkan dengan *engagement* dengan KESUMA, kenaikan minimum di bawah *multi-tier levy*, adalah dalam julat RM300 hingga RM500. Yang itu adalah *indicator* awal untuk makluman YB. Terima kasih.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Naib Pengerusi PAC]: Ya, sila Bangi.

Tuan Syahredzan bin Johan [Ahli PAC]: Terima kasih Naib Pengerusi, terima kasih kepada Datuk atas pembentangan tadi. Saya hendak *follow-up* tentang isu berkenaan dengan MyEG. Sebab saya difahamkan masa prosedur yang sebelum ini bahawa kita tidak akan meneruskan perjanjian dengan MyEG disebabkan kita sudah masuk kontrak dengan Bestinet ini untuk FWCMS.

Saya juga difahamkan bahawa bulan dua tahun ini kontrak dengan MyEG sudah ditamatkan ataupun sudah dimaklumkan untuk ditamatkan. Boleh saya tahu apakah status berkenaan dengan perjanjian dengan MyEG ini dan apakah respons daripada MyEG berkenaan dengan keputusan untuk tidak meneruskan atau menamatkan kontrak dengan MyEG? Terima kasih.

■1430

Dr. Hebat Hisam bin Mohd Yusoff [KDN]: Saya juga jawab. Yang Berhormat dengan izin, Yang Berhormat saya jawab.

Tuan Syahredzan bin Johan [Ahli PAC]: Ya.

Dr. Hebat Hisam bin Mohd Yusoff [KDN]: Okey. Seperti mana yang telah dimaklumkan di dalam prosiding-prosiding sebelum ini, memang kita ada *engagement* dengan MyEG dan kita juga ada Jawatankuasa Penilaian yang diketuai sendiri oleh Datuk TKSU(D) yang mana dalam jawatankuasa tersebut kita telah membuat penilaian untuk tidak menyambung kerana kontrak MyEG dia bersifat bukan dua tahun secara *one go* tetapi satu campur satu.

So, dipihak kerajaan terdapat prerogatif kerajaan untuk sama ada untuk sambung campur satu itu atau tidak dan kerajaan telah memanfaatkan klausa tersebut. Terima kasih Yang Berhormat.

Tuan Syahredzan bin Johan [Ahli PAC]: Tak ada— maksudnya pihak MyEG menerimalah. Setakat ini tak ada apa-apa tuntutanlah, tak ada apa-apa pertikaian berkenaan dengan keputusan untuk tidak meneruskan ataupun melanjutkan ataupun menggunakan opsyen tambah satu itu?

Dr. Hebat Hisam bin Mohd Yusoff [KDN]: Setakat yang hari ini, setakat pemakluman yang telah dibuat oleh Jabatan Imigresen Yang Berhormat, MyEG menerima dengan hati terbuka dan berlapang dada keputusan tersebut.

Tuan Syahredzan bin Johan [Ahli PAC]: Okey. Saya tanya itu sebab kita— macam saya cakaplah dalam prosiding sebelum ini, kita tak nak apa yang berlaku

dengan Bestinet, pun berlaku pada MyEG. Jadi sebab itu bila tamatkan kontrak itu kena pastikan bahawa di pihak kita ataupun di pihak kerajaan di semua isu yang mungkin berbangkit itu dapat diselesaikanlah. Terima kasih.

Dr. Hebat Hisam bin Mohd Yusoff [KDN]: *Insya-Allah* Yang Berhormat, terima kasih.

Datuk Haji Makhzan bin Mahyuddin [KDN]: Betul Yang Berhormat, kalau saya nak tambah. Hari itu saya mendapat nasihat daripada Yang Berhormat, saya telah mempengerusikan mesyuarat Jawatankuasa Teknikal, hasil daripada cadangan Yang Berhormat. Daripada mesyuarat teknikal tersebut, kita memanggil semua pihak berkepentingan dan kita membuat laporan teknikal. Laporan teknikal mengatakan bahawa prestasi MyEG tidak perlu disambung lagi dan kita memaklumkan secara rasmi kepada pihak Jabatan Imigresen dan Jabatan Imigresen memaklumkan kepada pihak MyEG.

So, terima kasih Yang Berhormat atas nasihat sebelum ini dan kita harap tidak ada saman daripada pihak MyEG lah kerana kita telah mengikut proses-proses yang telah ditetapkan, yang dicadangkan oleh Yang Berhormat sendiri. Terima kasih Yang Berhormat.

Dr. Hajah Halimah Ali [Ahli PAC]: Tuan Pengerusi, mungkin saya nak lihat syor ketiga itu mengenai kawalan keselamatan siber. Sebab ada kes sebelum-sebelum ini kan yang *unidentified personnel* yang *key-in* data dan sebagainya. Jadi pemilikan Super ID ini oleh pegawai-pegawai kerajaan ini, maksudnya siapakah kategori-kategori yang akan mendapat akses kepada pemilikan Super ID ini supaya ia tidak apa?

What exactly do you mean by deterrence measure ini? Supaya dia ada dia punya *level-level* kah, ke macam mana itu? *How secure is it?*

Encik Mohd Fairuze bin Mohd Fadzil [Kementerian Dalam Negeri (KDN)]: Okey, terima kasih Yang Berhormat. Untuk— nama saya Mohd Fairuze dari IT KDN. Okey. Untuk Super ID, so, mesyuarat telah bersetuju yang Super ID diberikan kepada IT KDN lah untuk menjaga sekuritinya. So, bukan daripada pihak Bestinet ataupun Imigresen tapi daripada IT KDN.

Dr. Hebat Hisam bin Mohd Yusoff [KDN]: Secara ringkas Yang Berhormat, cakupan pegawai kerajaan dalam sistem tersebut adalah lebih besar dan dia bukan sahaja pegawai IT KDN tetapi juga oleh Pengarah Bahagian Pekerja Asing sendiri. So, kawalan terhadap sistem itu dia *balance*, ada di KDN dan juga ada di JIM. So, kita boleh *penetrate* sistem tersebut dan kita boleh *dictate* berdasarkan kepakaran IT yang— sebab diberi *source code* tersebut kepada pegawai kita. Sila jawab.

Encik Mohd Fairuze bin Mohd Fadzil [KDN]: Okey...

Dr. Hajah Halimah Ali [Ahli PAC]: Imigresen tak ada apa *involve* langsunglah?

Dr. Hebat Hisam bin Mohd Yusoff [KDN]: Tak. Macam saya kata tadi, IT KDN dan juga IT Jabatan Imigresen, Bahagian Pekerja Asing.

Dr. Hajah Halimah Ali [Ahli PAC]: Dia dua-dua ada akses?

Dr. Hebat Hisam bin Mohd Yusoff [KDN]: Ya, ya, ya. Dua-dua ada akses sebagai Super ID tersebut.

Datuk Haji Makhzan bin Mahyuddin [KDN]: Jabatan Imigresen pun kita minta supaya dia menyediakan satu *single sign on* supaya mereka boleh kontrol supaya kalau ada ID-ID lain cuba masuk Jabatan Imigresen boleh kenal pasti. Cuba Tuan Ayob.

Encik Ayob bin Abdul Rahman [Kementerian Dalam Negeri (KDN)]: Okey, terima kasih Yang Berhormat. Untuk makluman Yang Berhormat Pengerusi dan juga semua ahli mesyuarat, yang mana Jabatan Imigresen telah pun membuat penambahbaikan kepada pengurusan ID dalam sistem FWCMS di mana di dalam sistem ini tidak dibenarkan diwujudkan ID baru. Maksudnya begini ya Yang Berhormat. Semua ID termasuk yang membuat transaksi urus niaga, ID majikan menggunakan ID yang telah pun didaftarkan dengan sistem MyIMMs. Jadi FWCMS tidak akan mewujudkan satu ID baru kepada *user* termasuk majikan dan juga pegawai. Di mana pegawai Jabatan Imigresen dan juga KDN akan menggunakan ID sedia ada kami di dalam sistem MyIMMs.

Di mana itu lebih selamat di mana kita sendiri yang mewujudkan dengan sistem yang ada oleh kerajaan dan pengguna macam majikan setiap kali membuat pembaharuan PLKS mereka perlu *log-in* melalui FWCMS tetapi menggunakan ID yang telah didaftarkan dalam MyIMMs. Jadi FWCMS tidak dibenarkan mewujudkan modul ID tersendiri. Itu antara kawalan yang kita dah buat Yang Berhormat.

Dr. Hebat Hisam bin Mohd Yusoff [KDN]: Itu Yang Berhormat merupakan *over and above* apa yang Yang Berhormat tanya berkenaan dengan Super ID tadi. So, itu adalah beberapa elemen yang kita perkenalkan selain daripada Super ID dikontrol oleh JIM dan juga IT KDN dan pada masa yang sama, JIM sendiri menetapkan bahawa *user* dia punya *password* ataupun mesti datang daripada MyIMMs sendiri bukannya satu benda yang di *create* baru. Itu antara elemen yang Jabatan Imigresen di bawah Tuan Ayoblah, Bahagian Pekerja Asing.

Dr. Hajah Halimah Ali [Ahli PAC]: Sebab kita tengok perkembangan geopolitik terbaru antara India dengan Pakistan kan di mana Pakistan *can manipulate* dia punya kontrol secara *remote* itu. Itu yang nak ingatkan Malaysia sahajalah supaya kita berhati-hati bab ini.

Dr. Hebat Hisam bin Mohd Yusoff [KDN]: Untuk makluman Yang Berhormat, benda ini ada dibangkitkan dalam— oleh Ketua Audit Negara yang mana kita ada buat pembentangan dan apa yang kita bentangkan itu adalah mematuhi peraturan CGSO Yang Berhormat, tentang tatacara dan juga mekanisme yang kita adakan sekarang. Pembentangan tersebut dalam minggu lepas. Saya tak ingat *exact* tarikh Yang Berhormat, nanti saya boleh bekalkan tarikh tersebut.

Tuan Ahmad Tarmizi bin Sulaiman [Ahli PAC]: Yang Berhormat Tuan Pengerusi, mungkin saya sikit.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Naib Pengerusi PAC]: Ya, sila Sik. Sik.

Tuan Ahmad Tarmizi bin Sulaiman [Ahli PAC]: Yang pertama soalan saya. Dalam perjalanan sistem ini, sejak dimulai ada dah mula berapa— tahun lepas ya? Dah berapa lama ia bermula dan bagaimana prestasinya sama ada dia mengikut ataupun *flow*-nya itu berjalan lancar ataupun mungkin ada dilihat dari segi mungkin teknikal, dari segi sistem itu sendiri, adakah *go through* dengan mekanisme pembayaran? Itu satu yang di bentang ini.

Kedua, dari segi— saya balik daripada sambung soalan Bayan Baru tadi. Mungkin yang disyorkan oleh— ini syor satu ya kalau saya boleh rujuk syor satu tadi. Mungkin boleh *go through* syor satu. Maksudnya saya nak tanya dari segi justifikasi kepada kadar ini ya RM215 ini, itu mungkin dimaksudkan oleh PAC untuk di bentang oleh pihak KDN ya dan nampak agak— di dalam tindakan susulan itu nampak agak umum ya dan tidak berapa jelas dari segi justifikasi itu.

Ketiganya dari segi— dalam mekanisme kutipan ini, apa *role* yang digunakan oleh KDN sama ada melalui Akta Tatacara Kewangan ataupun ada peraturan Perbendaharaan yang mungkin sebagai panduanlah ya? Jadi kena di *quote* di situ ya dalam surat bilangan ePLKS itu.

Keempat, apa justifikasi pembayaran ini dimasukkan ke dalam Akaun Hasil Disatukan sebagai liabiliti. Apa maksud di situ? Jadi mohon tolong dijelaskanlah. Okey, baik terima kasih.

Dr. Hebat Hisam bin Mohd Yusoff [KDN]: Yang Berhormat, dengan izin Yang Berhormat. Berkenaan dengan prestasi, seperti mana yang kita tahu, sistem tersebut kerajaan yang *dictate*. So, sebarang penambahbaikan, sebarang permintaan daripada kerajaan hendaklah dipatuhi oleh syarikat. Semasa penyerahan 15 modul yang diserahkan, terdapat ada beberapa *request* rasmi daripada kerajaan agar sistem itu ditambah baik.

Sebagai contoh, yang boleh saya sebutkan di sini integrasi di antara FWCMS dengan sistem ePPAx bagi modul eQuota. ePPAx ini adalah di bawah KESUMA. So, supaya benda itu *streamline* dan juga *smooth* perjalanannya, kita minta ePPAx juga

diintegrasikan dan proses tersebut masih lagi berjalan hingga sekarang. *Insyallah timeframe* yang telah dijanjikan di antara pembekal ePPAx dan juga Bestinet adalah 30 Mei 2025. Itu daripada bab sistem.

■1440

Selain itu juga untuk makluman YB dan juga ahli mesyuarat, ada beberapa modul lagi yang telah kita minta untuk Bestinet tambah baik supaya dia mematuhi peraturan seperti mana yang telah dinyatakan oleh bahagian IT tadi. Kita ada peraturan CGSO berkenaan dengan keselamatan siber dan kita telah arahkan supaya syarikat memberikan akses Super ID tersebut bukan sahaja kepada IT KDN, tetapi juga kepada IT JIM supaya *accessibility* dan cakupan kepada sistem tersebut adalah besar dan kita boleh *dictate* perjalanan sistem tersebut. ini penting supaya keselamatan terutamanya dari segi pengurusan kuota itu berada di tangan kerajaan dan bukannya di tangan syarikat.

Berkenaan dengan pembayaran, pembayaran di pihak kerajaan *of course*, itu memang kita tak boleh lari daripada peraturan Perbendaharaan. Disatukan sebagai liabiliti di sini mungkin saya rasa Bahagian Kewangan JIM boleh *explain* berkenaan dengan maksud tersebut supaya jawapan itu lebih jelas.

Encik Hapdzan bin Husaini [KDN]: Terima kasih ya. Yang Berhormat Pengerusi, dari segi amalannya memang mana-mana hasil yang dikutip...

Tuan Ahmad Tarmizi bin Sulaiman [Ahli PAC]: Tak kenal namanya.

Encik Hapdzan bin Husaini [KDN]: Saya Hapdzan ya. Hapdzan, Pengarah Kewangan Jabatan Imigresen Malaysia. Dari segi amalan hasil ini, kutipan hasil yang mana hasil yang diperoleh oleh jabatan akan dimasukkan sebagai Wang Disatukan lah. So, Wang Disatukan. Untuk pembayaran FWCMS ini, kita akan memohon kepada MOF lah untuk dapatkan peruntukan dan seterusnya. Itu amalan yang kita buatlah. Dapat peruntukan, kita akan bayarlah bila dokumen-dokumen untuk bayaran lengkap dan sebagainya. Itu yang dari segi amalan biasa yang dalam kewangan ya, YB ya.

Dr. Hebat Hisam bin Mohd Yusoff [KDN]: Dia pembayaran — MOF, dia tidak memberikan sebagai contoh OE, Jabatan Imigresen tahunan katakan ABM, Anggaran Belanja Mengurus 2025 katakan RM60 juta. So, untuk Januari itu bukannya disalurkan terus RM60 juta. Ia disalurkan secara berperingkat berdasarkan prestasi perbelanjaan oleh jabatan. Kenapa dilakukan sebegini, supaya untuk akhir tahun nanti tidak akan ada lebihan di jabatan yang akan dipulangkan yang seterusnya menurunkan prestasi perbelanjaan sesuatu jabatan ataupun kementerian. Itu praktik MOF. Mungkin wakil MOF boleh betulkan saya. So, apa yang dibuat oleh MOF, penyaluran secara berperingkat. Mungkin secara sukuan

berdasarkan prestasi. Yang itu adalah *quite normal* bagi MOF, pengaturan perbelanjaan *especially* untuk belanja mengurus YB.

Tuan Ahmad Tarmizi bin Sulaiman [Ahli PAC]: Okey. Saya faham yang itu. Cuma, disebut sebagai liabiliti itu, itu apa justifikasi di situ pula ya sebab Akaun Wang Disatukan itu kita *clear*. Kenapa disebut liabiliti? Liabiliti maknanya kerajaan bertanggungjawab pula untuk dikeluarkan duit itu bayar kepada syarikat. Itu maksud dia begitu?

Dr. Hebat Hisam bin Mohd Yusoff [KDN]: Sebab komitmen... *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Tuan Ahmad Tarmizi bin Sulaiman [Ahli PAC]: Dia maksudnya wang itu hanya transit sahaja ya? Betulkah istilah itu?

Dr. Hebat Hisam bin Mohd Yusoff [KDN]: Wang transit di mana YB?

Tuan Ahmad Tarmizi bin Sulaiman [Ahli PAC]: Di akaun itu. Maksudnya selepas itu akan dibayar kepada syarikat kan. Sepatutnya begitu?

Dr. Hebat Hisam bin Mohd Yusoff [KDN]: Dia bukan transit. Wang memang apa-apa bayaran kepada kerajaan dimasukkan ke dalam akaun yang disatukan tersebut.

Encik Shaleh bin Hussain [Ex officio, Jabatan Akauntan Negara]: Puan Pengerusi, boleh saya tambah sedikit berkenaan — saya daripada Jabatan Akauntan Negara.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Naib Pengerusi PAC]: Ya, sila.

Encik Shaleh bin Hussain [Ex officio, Jabatan Akauntan Negara]: Okey. Berkenaan dengan pembayaran ini kemudian akan dimasukkan ke dalam Akaun Hasil Disatukan sebagai liabiliti ini sebenarnya kalau boleh saya sendiri dari Jabatan Akauntan Negara nak mendapatkan jugalah penjelasan bagaimana dari segi proses pembayaran itu dimasukkan ke dalam Akaun Hasil Disatukan itu. Sebab saya rasa mungkin di peringkat kementerian boleh nyatakan bagaimana transaksi itu dilakukan. Sebab saya difahamkan dekat sini, pembayaran yang dibuat oleh majikan melalui sistem MyIMMs ini dan kemudian pembayaran berkenaan akan dimasukkan ke dalam Akaun Hasil Disatukan, adakah dia berintegrasi dengan sistem iGFMS kita ataupun sistem ini sistem yang berlainan dan kita buat penyata pemungut untuk memasukkan hasil berkenaan ke dalam sistem iGFMS kita?

Dr. Hebat Hisam bin Mohd Yusoff [KDN]: Ya, untuk makluman Jabatan Akauntan Negara, FWCMS tidak mengutip bayaran. Bayaran itu berlaku di dalam sistem MyIMMs. Kalau dia kutip, dia akan menjadi agen pemungut. So, tidak berlaku kutipan oleh syarikat yang dikatakan untuk empat perkara tadi tersebut. So, *direct* masuk kepada akaun kerajaan iaitu melalui sistem FWCMS. So, syarikat tidak

mengutip apa-apa. Dia cuma sebagai *getaway* sahaja. Muka depan sahaja, tetapi transaksi akaun berlaku di belakang di dalam akaun kerajaan di dalam sistem MyIMMs. Sebab itu ada dikatakan tadi di peringkat awal, integrasi bukan di antara FWCMS — bukan sahaja dengan ePPAx yang dimiliki oleh KESUMA, tetapi juga dengan MyIMMs yang dimiliki oleh Jabatan Imigresen *aka* KDN lah YB. So, bukan syarikat yang kutip.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Naib Pengerusi PAC]: Ya, *sorry*. Sila.

Tuan Ahmad Tarmizi bin Sulaiman [Ahli PAC]: Saya minta maaf, saya tak *clear*. [Ketawa]

Puan Teresa Kok Suh Sim [Naib Pengerusi PAC]: Siapa? Sik kah?

Tuan Ts. Zahir bin Hasan [Ahli PAC]: Berkaitan, berkaitan.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Naib Pengerusi PAC]: Okey, Wangsa Maju.

Tuan Ts. Zahir bin Hasan [Ahli PAC]: Apa ini, kita sedang mempelajari apa sedang berlaku selepas perjanjian ini telah ditandatangani pada September tahun lepas. Kalau ikut slaid nombor dua ini, maknanya majikan-majikan yang nak menggunakan perkhidmatan FWCMS ini dia buat bayaran melalui MyIMMs. Betul ya? Perkhidmatan-perkhidmatan yang ditawarkan ataupun yang berada dalam FWCMS dibayar melalui MyIMMs. Majikan bayar, lepas itu masuk di Wang Disatukan, lepas itu Bestinet akan mengeluarkan invois. Keluarkan invois, lepas itu kerajaan bayar kepada Bestinet. Okey, itu aliran pembayaran dan penerimaan bayaran itu.

Dr. Hebat Hisam bin Mohd Yusoff [KDN]: Betul YB.

Tuan Ts. Zahir bin Hasan [Ahli PAC]: Boleh tak cerita semenjak perjanjian ini telah ditandatangani bulan September yang lepas, berapa jumlah yang majikan telah bayar untuk perkhidmatan FWCMS ini, berapa jumlah dia dan berapa banyak kerajaan dah bayar kepada Bestinet sehingga sekarang? Kalau ada, apakah jadual pembayaran, *payment schedule* dia yang ada? Boleh kongsi kepada PAC? Terima kasih.

Dr. Hebat Hisam bin Mohd Yusoff [KDN]: Berkenaan dengan jumlah bayaran saya jemput JIM.

Encik Hapdzan bin Husaini [KDN]: Terima kasih YB. Sebenarnya kita telah membayar dari November hingga Februari ya, tahun ini ya. Untuk sekarang ini, kita telah membayar sebanyak RM11,397,135 untuk servis yang berdasarkan ePASS yang telah diverifikasikan oleh Bahagian Pekerja Asing, Jabatan Imigresen lah. Itulah jumlah yang kita bayar. Juga, kalau mengikut perkiraan kita, bulan November syarikat Bestinet dia tuntutan sebanyak RM156,000, Disember RM223,000, Januari kita bayar RM980,000 dan manakala Februari RM10 juta. Yang ini sebab pada kita pun terikut

berdasarkan arahan semasa MOF lah yang mana kita ada juga caj untuk CDC dan juga kita kena tahan 10 persen lah, 10 persen daripada bayaran tuntutan dia untuk sebab dari segi kontrak, dia belum bagi bon pelaksanaan lagilah. Itu ada arahan semasa daripada MOF lah, kita berdasarkan kelulusan sedia ada daripada MOF lah. Itu sahaja YB.

Tuan Ts. Zahir bin Hasan [Ahli PAC]: Minta maaf, tak berapa jelas. Apa, yang November hingga Februari, yang melalui ePASS itu RM11 juta lebih.

Encik Hapdzan bin Husaini [KDN]: Ha, RM11 juta yang kita dah bayar.

Tuan Ts. Zahir bin Hasan [Ahli PAC]: Itu ePASS sahaja?

Encik Hapdzan bin Husaini [KDN]: Tak. Itu yang kita dah bayar kepada syarikat sebab kiraan bayaran ini adalah berdasarkan bilangan ePASS yang dikeluarkan oleh syarikat tersebutlah.

Tuan Ts. Zahir bin Hasan [Ahli PAC]: Maknanya bayar kepada syarikat — syarikat Bestinet lah ya?

Encik Hapdzan bin Husaini [KDN]: Ya.

Tuan Ts. Zahir bin Hasan [Ahli PAC]: Maknanya sehingga Februari, Bestinet hanya dibayar RM11 juta lebih?

Datuk Haji Makhzan bin Mahyuddin [KDN]: YB, kalau kita boleh — soalan YB ada dua komponen. Pertama, berapa kerajaan kutip daripada pekerja asing. Satu lagi berapa yang kerajaan bayar kepada Bestinet.

■1450

Saya jawab yang kedua, untuk kerajaan bayar kepada Bestinet sekarang ini ialah *exclusivity Bestinet* ataupun FWCMS penggunaannya adalah mulai 1 Februari 2025, eksklusif. Bermakna tidak ada lagi lorong-lorong lain yang boleh untuk memohon PLKS. Sebelum ini YB kata melalui MyEG. Kita ada MyEG, kita ada sistem imigresen sendiri.

Tetapi perjanjian kita yang ditandatangani ialah *exclusivity* untuk Besitnet atau untuk FWCMS adalah mulai 1 Februari 2025. Sebelum itu ialah mereka boleh melaksanakan tetapi boleh— kadang-kadang boleh dilaksanakan.

So, sekarang ini mulai 1 Februari 2025 ialah mereka tidak ada pilihan lain, semua syarikat atau semua pemohon mesti melalui FWCMS. *So, that's why* kutipan-kutipan sebelum itu agak rendah kerana mereka mempunyai opsyen lain untuk melaksanakan itu.

Tetapi, mulai Februari, Mac, April dan seterusnya sampai kepada 2031 selama enam tahun mesti melalui FWCMS. *So, that's why* bayarannya agak rendah lagi tetapi bayaran untuk Mac, April dan Mei mesti bergantung kepada— kalau satu

PLKS. PLKS ini ialah *sticker* yang kita keluarkan atau e-PLKS yang sekarang ini kita dah modenkan. Bermakna tak keluarkan *sticker*. Kita keluarkan melalui sistem.

Maknanya satu *sticker* yang dikeluarkan atau satu sistem yang kita *approved* ialah RM215. Bermakna jadual pembayaran ialah bergantung kepada berapa bilangan e-PLKS atau PLKS yang kita luluskan melalui sistem MyIMMs dan dilalui melalui FWCMS. Itu jadual bayaran yang kita akan laksanakan.

Dr. Hebat Hisam bin Mohd Yusoff [KDN]: Dan invoice dibayar, dihantar secara bulanan YB. So, untuk bulan tersebut berapa e-PLKS yang dikeluarkan sebab sekarang ini dah tak ada *sticker* dah, ada 'e' sahaja.

So, katakan kalau bulan Mac dihantar walaupun tak bayar lagi. Bulan April hantar. Bulan Mei hantar. So, bila JIM menerima peruntukan daripada MoF dan sekiranya dokumen.

Dr. Hebat Hisam bin Mohd Yusoff [KDN]: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Tuan Ir. Ts. Zahir bin Hassan [Ahli PAC]: Maknanya *verification* oleh bahagian itulah.

Seorang Ahli: Ya.

Tuan Ir. Ts. Zahir bin Hassan [Ahli PAC]: Jadi setakat ini nak faham lagi. Maknanya RM11 juta itu November hingga Februari itu, itu dah lepas. Februari *onwards* itu?

Datuk Haji Makhzan bin Mahyuddin [KDN]: Februari sekarang ini ia telah kemukakan bil untuk Februari. Sekarang ini telah disahkan Bahagian Pekerja Asing tetapi kita sedang dalam proses membuat bayaran kerana sekarang ini syarikat belum— maknanya proses pembayaran tersebut pada bulan Februari, bulan Mac bergantung kepada invoice yang dikemukakan oleh Bestinet tersebut, syarikat tersebut.

Tuan Ir. Ts. Zahir bin Hassan [Ahli PAC]: So, kalau begitu apa SOP untuk kerajaan bayar kepada Bestinet dari segi— dia *claim invoice*, *how many days* punya?

Dr. Hebat Hisam bin Mohd Yusoff [KDN]: Ia macam yang dibangkit oleh YB sebentar tadi. Kita tertakluk kepada peraturan perbendaharaan yang mana sekiranya bil itu sempurna, maksudnya lengkap dengan *supporting document* YB, dalam tempoh 14 hari wajib bayar.

Tetapi di JIM ia telah meletakkan satu KPI yang lain. *Instead of* 14 hari ia proses dalam tujuh hari. Ini merupakan salah satu amalan terbaik yang telah diperkenalkan oleh Bahagian Kewangan dan juga Bahagian Pekerja Asing. Kerajaan secara umum 14 hari tetapi apa yang telah ditetapkan oleh Jabatan Imigresen sendiri dia orang selesaikan dalam tujuh hari.

So, prestasi pembayaran itu adalah cantiklah. Tapi dengan syarat segala dokumen adalah lengkaplah. YB.

Tuan Ir. Ts. Zahir bin Hassan [Ahli PAC]: Okey, nak rumuslah. Maknanya untuk pelaksanaan sepenuhnya yang bermula daripada 1 Februari, jumlah yang diterima tuntutan invois daripada Bestinet sedang di-*verified*, disahkan dan tidak ada bayaran lagilah setakat—sekarang Februari hingga sekarang tidak ada bayaran dan invois itu sedang disahkan? Setakat inilah?

Encik Ayob bin Abdul Rahman [KDN]: Untuk makluman YB, saya bagi pencerahan sikit tentang bayaran ini. Tuntutan bermula Februari telah pun dibayar oleh Bahagian Kewangan JIM yang berjumlah lebih kurang RM10 juta dan tuntutan bulan Mac sedang dalam proses bayaran, telah pun diverifikasi. Saya sedang dapatkan jumlah yang tepat tapi angkanya lebih kurang RM37 juta, jumlah amaun RM70 juta yang telah—RM37 juta yang telah dituntut dan telah diperakukan untuk bayaran.

Untuk bulan April lebih kurang RM38 juta. Jumlahnya saya akan bagi setelah saya dapat tepatlah untuk telah diperakukan untuk bayaran. Ini yang kita telah terima.

Sebagai mana yang disebutkan oleh Datuk Makhzan tadi, oleh kerana bermula Februari penggunaan sepenuhnya FWCMS. Jadi bayaran RM215 itu untuk makluman Ahli Mesyuarat ia bukan hanya e-PLSI tetapi merangkumi penggunaan. Tetapi kita gunakan kaedah bayaran itu hanya merujuk bagi memudahkan kita nak buat semakan merujuk kepada setiap PLKS ataupun Pas Lawatan Kerja yang dikeluarkan kepada pekerja asing.

Maknanya satu *renewal* ataupun permohonan baharu PLKS kita akan bayar RM215. Jadi dengan jumlah itu akan dituntut oleh pihak Bestinet kepada Jabatan Imigresen dengan setiap transaksi yang dibuat kita akan *verified* dengan sistem sedia ada MyIMMs. Berapakah jumlah sebenar yang telah dibuat, transaksi melalui sistem FWCMS? Maka dengan itu kita perakukan ia untuk bayaran.

Tuan Ir. Ts. Zahir bin Hassan [Ahli PAC]: Minta maaf, jadi kalau—terima kasih penjelasan itu. Cuma nak dapatkan *feel on the ground*, maknanya kalau RM10 juta kita dapat *claim* itu yang disahkan, maknanya kalau tolak—RM10 juta bahagi dengan RM215 itu lebih kurang RM46,500 lebih.

Membawa erti bulan Mac RM30 juta, itu maknanya 150 ribu orang masuklah. Maknanya pekerja asing—bilangan pekerja asing yang masuk sekarang ini trendnya adakah kita boleh buat kesimpulan bahawa trend pekerja asing sedang bertambah dengan pesatnya kalau ikut jumlah yang dijelaskan?

Encik Ayob bin Abdul Rahman [KDN]: Ia tidak begitu YB, ia sebenarnya adalah pertama transaksi permohonan baharu baru. Permohonan baru ini tahun

pertama PLKS. Itu bagi pekerja baharu. Tetapi bagi pekerja sedia ada mereka perlu *renew* ataupun perbaharui setiap tahun.

Jadi setiap tahun itu satu PLKS dikeluarkan yang baharu. Bermakna ia bukan pertambahan, yang lebih kurang 140 ribu tadi untuk bulan Mac dan April contohnya, maka adalah termasuk pekerja sedia ada yang mungkin tahun kedua, tahun ketiga sehinggalah ke maksimum tahun ke-10 misal kata.

Maknanya mereka perlu *renew* setiap tahun dan setiap kali transaksi setiap tahun itu dibayar RM215 kepada FWCMS.

Tuan Ir. Ts. Zahir bin Hassan [Ahli PAC]: Okey, untuk...

Dr. Hebat Hisam bin Mohd Yusoff [KDN]: Cuma nak *explain* soalan YB adakah pekerja asing kita bertambah. Kita di imigresen dan di KESUMA ini kita *stand guided and guarded by the ceiling imposed on us by KE*. Yang saya kata *15 percent* daripada kalau sebelum ini *total workforce* tetapi sekarang telah ditukar kepada *total employment* kerana kita nak murnikan lagi *figure* tersebut.

So, perkiraannya yang lebih kurang seluruh pekerja asing dalam negara ini tidak boleh lebih dalam 2.5 juta. Kita bercakap fasal PLKS sahaja. Maksudnya mereka yang terlibat secara di dalam sektor 3D dan KE untuk RMKe-13 untuk tempoh sepanjang RMK, bila habis RMKe-13 sahaja bukan lagi *15 percent*. Siling tersebut akan dikurangkan *instead of 15 percent* akan diturunkan kepada *10 percent* lagi.

So, itu adalah antara langkah-langkah kerajaan untuk kita kurangkan kebergantungan. Ia antara langkah yang dikenali KE sebagai *bold and radical. By hook or by crook, by the end of the RMKe-13 you have to achieved 10 percent instead of the current one 15 percent*. Dan perkiraannya pula bukan lagi *total workforce* tetapi *total employment*.

Apa bezanya YB? kalau *total workforce* termasuklah orang menganggur, semua. Tetapi *total employment*, kalau ikut *economic*-nya adalah orang-orang yang betul-betul berada di sektor pekerjaan yang bekerja.

Ini adalah polisi KE-lah YB. Kami sebagai KDN dan juga KESUMA hanya patuh. [*Bercakap dalam bahasa Arab*] *Sami'na wa atho'na*.

Encik Ayob bin Abdul Rahman [KDN]: Untuk makluman mesyuarat juga saya boleh *update*, jumlah terkini pemegang PLKS aktif sehingga 30 April adalah 2.223011 juta. So, bermakna daripada jumlah ini adalah maksimumnya. Maknanya setiap tahun dia *renew* tidak lari daripada jumlah ini. Bukan setiap tahun kita *guided* setiap bulan, ada pekerja yang balik maka mereka tak perlu *renew*.

Tapi bagi pekerja yang sedia ada yang mencakupi tempoh setahun, mereka perlu *renew* untuk tahun berikutnya.

■1500

Ir. Ts. Zahir bin Hassan [Ahli PAC]: 2.223 *million* itu, itu yang *employment* ya?

Encik Ayob bin Abdul Rahman [KDN]: Ya. Tidak, ini yang sedang digaji oleh majikan.

Dr. Hebat Hisam bin Mohd Yusoff [KDN]: Yang itu bilangan PLKS sebenar, yang 2.5 tadi siling, YB.

Ir. Ts. Zahir bin Hassan [Ahli PAC]: So, yang 2.223 ini adalah yang ada kerja lah.

Dr. Hebat Hisam bin Mohd Yusoff [KDN]: Yang ada kerja sekarang ini.

Ir. Ts. Zahir bin Hassan [Ahli PAC]: Tolak yang menganggur semua lah.

Encik Ayob bin Abdul Rahman [KDN]: Yang ini pekerja asing yang memegang PLKS, yang itu.

Dr. Hebat Hisam bin Mohd Yusoff [KDN]: Yang aktif, dipanggil itu. [*Berucap tanpa pembesar suara*]

Ir. Ts. Zahir bin Hassan [Ahli PAC]: Okey, terima kasih.

Datuk Haji Makhzan bin Mahyuddin [KDN]: Untuk memudahkan YB, yang ada pas kerja, pas kerja itu.

Dr. Hajah Halimah Ali [Ahli PAC]: Pengerusi, boleh saya?

Puan Teresa Kok Suh Sim [Naib Pengerusi PAC]: Ya, sila.

Dr. Hajah Halimah Ali [Ahli PAC]: Yang relevan dengan ini, yang berkaitan dengan ini kan? So, kita ada 2.223 juta pemegang PLKS. Okey, sejujurnya limit tadi 2.5, kan? Pemegangnya. Sejujurnya ini yang *employed* yang diakui oleh majikan sebab bila dia minta PLKS ini dia ada majikan *certification*, kan? Betul ya? Okey.

So, yang pekerja asing yang masih tinggal di Malaysia tetapi bukan bekerja—jadi PATI ya, *whatever* ini, kan? Yang tak balik-balik itu *how is* Imigresen— *what is the status now?* Macam mana *you all* nak kesan? Macam mana— *is this part of your centralised system* untuk jaga *foreign workers* ini kah macam mana itu? *Is it going to solve your future problem?*

Datuk Haji Makhzan bin Mahyuddin [KDN]: YB, hendak...

Dr. Hajah Halimah Ali [Ahli PAC]: Yang tertinggal ini.

Datuk Haji Makhzan bin Mahyuddin [KDN]: Untuk dalam ini kita ada tiga kategori kalau kita boleh. Satu, warga asing. Warga asing keseluruhan, mereka yang berada— warga asing terdiri daripada pekerja asing, terdiri daripada mereka yang bekerja dalam sektor-sektor yang *expatriate* dan juga isteri-isteri kepada warganegara, suami kepada warganegara semua, pelajar-pelajar— itu kita panggil warga asing berada di Malaysia.

Kedua yang pelancong, pelancong apa semua kita ada. Kedua, kita ada pekerja asing iaitu mereka yang *employed* dan yang ketiga kita ada PATI, ini kategori yang ketiga PATI yang mereka PATI ini mereka masuk tetapi mungkin masuk secara sosial tetapi selepas tamat tempoh keberadaan mereka— ada negara kita bagi 30 hari, ada negara kita bagi 14 hari, ada negara kita bagi sampai 90 hari. Selepas tempoh tersebut mereka masih berada di Malaysia mereka dikira sebagai PATI ataupun mereka telah tamat tempoh 13 tahun bekerja mereka tak pulang, itu juga dipanggil PATI.

So, bilangan tersebut kita tidak dapat kenal pasti bilangan PATI tersebut kerana mereka tersebut mungkin dalam tempoh-tempoh tersebut mereka telah keluar dan masuk baharu. So, bilangan tersebut tidak dapat dimuktamadkan secara total tetapi kita ada satu mekanisme untuk mengesan pekerja asing tetapi untuk PATI ini kita akan mengadakan penguatkuasaan secara berterusan untuk memastikan mereka.

Akan tetapi sekarang ini, Menteri baru umumkan untuk buat perlanjutan program untuk pemulangan secara sukarela dipanggil Repatriasi Migran. Makna mereka bayar RM500 dan mereka pergi kepada pejabat-pejabat Imigresen bayar RM500 dan mereka boleh pulang secara sukarela dan kita *blacklist* mereka dan mereka tidak boleh masuk lagi ke Malaysia, itu keputusan tersebut.

So, kalau jumlah yang PATI sebenarnya jumlah tersebut kita tak tahu sebab kemungkinan kemasukan mereka, keberadaan mereka tersebut dengan pelbagai cara dan kaedah yang sukar untuk kita membuat pengiraan berapa bilangan mereka.

Dr. Hajah Halimah Ali [Ahli PAC]: Okey, *way forward your system* ini yang mana sudah ada masuk dalam *you* punya, *this is fresh* data lah kiranya kan, *annual* apa ini data..

Datuk Haji Makhzan bin Mahyuddin [KDN]: Sistem ini hanya untuk kategori pekerja asing sahaja.

Dr. Hajah Halimah Ali [Ahli PAC]: Okey, pekerja asing ini tetapi ada juga di antara mereka yang tidak balik-balik, kan? *After 13 years* maksimum dia tidak balik, kan? So, *you all* ada tidak dia ada *red alert* kah dalam dia punya sistem itu nanti *from this module* lah kalau hendak *develop according to the needs of the government*, kan? Kalau *after 13 years* kah dia ada *red alert this guy* sudah lebih 13 tahun ini. Ada tidak modul ini disini?

Encik Ayob bin Abdul Rahman [KDN]: Untuk makluman YB dan ahli mesyuarat, dalam salah satu 15 modul itu ada dinamakan *e-Enforcement*. Bagi mereka yang gagal memperbaharui PLKS tadi ataupun yang sudah tamat tempoh, *automatically* dia akan masuk ke dalam daftar *e-Enforcement* tadi.

So, pegawai-pegawai *enforcement* kita boleh pergi kesan mereka ataupun boleh mencari mereka kerana mereka dah pun termasuk dalam kategori PATI. Ini yang kita ada dalam sistem. Bagi pekerja asing yang memegang PLKS tetapi kalau yang di luar daripada sistem yang bukan pemegang PLKS tadi, maka kita tidak dapat kesan mereka. PLKS tamat tempoh tak perbaharui, memang ada dalam sistem kita.

Macam yang YB sebutlah kalau 13 tahun tadi dia sudah tidak boleh *renew* lagi, tidak boleh lanjut lagi dia kena balik sepatutnya dan ia akan termasuk dalam sistem kita dan kita boleh akan mengesan mereka lah melalui sistem.

Dr. Hebat Hisam bin Mohd Yusoff [KDN]: YB, untuk isu PATI yang YB tanya tadi, kita kerajaan memang *realised* itu adalah satu isu dan kita tidak sesekali cuba sembunyikan itu dan sebab itulah kita memperkenalkan beberapa langkah pemutihan. Kita ada dengan 6P, kita ada RTK, Rekalibrasi Tenaga Kerja 1.0, Rekalibrasi Tenaga Kerja 2.0. *On top of that* pun kita juga memperkenalkan Program Repatriasi Migran di mana kita *monetise*-kan *problem* kita.

You all hendak balik boleh, *you* bayar kompaun dan *you* balik. *Instead of* kalau dia masih berada dalam negara kita, dia *enjoy* kita punya subsidi. Kita benarkan dia balik tetapi dia kena bayar kompaun. Sebab berkenaan dengan RTK pula YB, kita memang tak boleh lari. Kebergantungan kita kepada pekerja asing itu agak tinggi untuk beberapa sektor tertentu.

So, *instead of* kita bawa masuk yang mana sudah ada dalam negara kita putihkan melalui program-program yang kita ada tadi Rekalibrasi Tenaga Kerja 1.0, Rekalibrasi Tenaga Kerja 2.0, ada 6P. Itu antara langkah-langkah yang telah diperkenalkan oleh KDN. So, kita bukan— *actually* apa yang KDN buat adalah hibrid beberapa langkah ataupun beberapa kaedah supaya dengan langkah hibrid tersebut kita dapat *address* isu yang dengan lebih skop yang lebih besar sebab kita tahu satu kaedah sahaja tidak sempurna. Sebab itu kita kacukkan, kita hibridkan dengan pelbagai.

Dr. Hajah Halimah Ali [Ahli PAC]: Juga tentang *enforcement*, *you all* hendak buat *enforcement*. So, *you* buat *rush*, kan? So, benda ini banyak juga yang berlaku dekat Kapar dekat kawasan saya. Kadang-kadang 600 dia dapat pada *few months ago*. Dia kata *you all* punya depoh asyik penuh sahaja. So, dia kata *you cannot do any enforcement* atau *rush* ini kalau *you all* punya depoh penuh, nak letak mana? So, *is that how you going to address that problem?*

Dr. Hebat Hisam bin Mohd Yusoff [KDN]: YB sebab itu kita kena realistik sebab *enforcement* ini dia bukan satu perkara yang *sustainable* tetapi kena ada. Macam YB kata untuk di depoh kita tahan dia itu adalah kos kepada kerajaan dan seperti mana yang saya telah nyatakan beberapa kali dalam prosiding, kos rangsum

sahaja yang ditanggung oleh kerajaan untuk setiap tahun makanan sahaja dalam julat RM70 hingga RM80 juta.

Ini adalah kos rangsum makanan sahaja. Sebab itu kita lanjutkan Program Repatriasi Migran itu sampai 2029 supaya *instead of* dia orang boleh balik, dia orang bayar kompaun kita dapat duit. *Instead of* kita tahan dan kita sumbat dalam depot, itu kos. Sampaikan kita terpaksa sewa beberapa PLKN yang sekarang ini daripada tiga tinggal sebuah, itu adalah kos.

Sebab itu saya kata *enforcement* kena ada tetapi dia merupakan bukanlah langkah yang *sustainable* untuk jangka masa panjang. Jadi kena cari jalan lain.

Tuan Haji Azli bin Yusof [Ahli PAC]: YB Pengerusi, saya hendak tanya berkenaan dengan isu PATI ini juga lah. Dia ada *especially* dalam industri *construction* dan juga perladangan. *Casual worker* PATI yang memang rasanya diperlukan tetapi dia tidak bertuan, dia tak ada majikan tetapi dia memberi khidmat yang besar ataupun diperlukan oleh sektor-sektor dalam *construction*, dalam perladangan pun ada juga tetapi itulah isunya dia kekal sebagai PATI, dia tidak ada tuan. Jadi apa inisiatif ataupun langkah di pihak kerajaan untuk menangani isu ini?

Encik Ayob bin Abdul Rahman [KDN]: Terima kasih, YB. Untuk maklum balas tentang perkara ini seperti Yang Berusaha Dr. Hebat sebut tadi, kerajaan telah membuat beberapa program. Sebenarnya empat program pemutihan PATI dengan memberi PLKS. Cuma untuk program RTK 2 yang berakhir pada tahun lepas 31 Julai, kerajaan setakat inilah tidak berhasrat untuk melanjutkan oleh kerana dia ada juga implikasi negatif yang diberikan ataupun diberikan di mana dia memberi gambaran negatif apabila mereka datang memberi isyarat ataupun warga asing yang datang ke Malaysia— waima secara pelancongan dan sebagainya, mereka kekal sebagai PATI di sini dengan isyarat bahawa suatu hari kerajaan akan memberi PLKS. Jadi makin bertambah jumlah PATI tersebut.

■1510

Jadi dengan perkara itu juga, kita merasakan, kita buat program susulan untuk penghantaran pulang sahaja, tidak lagi memberi PLKS. Dalam masa yang sama, kita hendak menggalakkan supaya semua majikan di Malaysia memberi tanggungjawab yang penuh. Maknanya, mereka nak menggaji pekerja asing, perlu melalui proses yang sepatutnya, bukan menggajikan PATI.

Oleh sebab itulah kita teruskan operasi dan kita tetap, kita hanya benarkan PATI tadi balik dengan cara yang ini dan tidak lagi memberi PLKS kerana ia memberi kesan yang kita tengok negatif kepada industri di mana ada juga pemegang-pemegang PLKS ataupun yang mengikuti berdasarkan kajian oleh pihak Jabatan Imigresen, mereka ini terus kekal berada di Malaysia, menjadikan PATI diri sendiri.

Kemudian itu ada program pemutihan, mohon lagi sekali. Bila— setelah satu tempoh sepatutnya mereka pulang, mereka menjadikan diri mereka PATI semula dan mohon sekali lagi. Contoh empat program yang kita telah buat tadi, yang saya sebutkan bermula dengan 6P pada tahun 2012 sehinggalah kepada RTK 2, kita dapat ada trend itu.

That's why, kita mencadangkan, pihak jabatan mencadangkan kepada pihak KDN dan juga pihak kerajaan supaya Program Pemberian PLKS, pemutihan pemberian PLKS ini tidak dilaksanakan kecuali hanya program pemutihan hantar pulang sahaja. Itu yang kita cadangkan supaya tidak memberi implikasi negatif kepada— makna makin ramai akan menjadi PATI datang ke dalam negara. Itu sahaja, YB.

Tuan Ahmad Tarmizi bin Sulaiman [Ahli PAC]: Pengerusi.

Dr. Hebat Hisam bin Mohd Yusoff [KDN]: Cuma sedikit nak tambah. Itu apa yang dinyatakan itu merupakan *the down side of the programme* tetapi seperti mana yang kita maklum, apa-apa program pun ia akan ada dia punya kelemahan tersebut. *As long as* kebaikan tersebut, *can offset the down side I think* sebab itu kita masih lagi mempertimbangkan. Kita belum lagi panjangkan. Kita masih mempertimbangkan tetapi untuk program repatriasi masih lagi kita teruskan. Itu antara langkah-langkah yang menjadi pertimbangan KDN untuk makluman ahli mesyuarat PAC.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Naib Pengerusi PAC]: Sik.

Tuan Ahmad Tarmizi bin Sulaiman [Ahli PAC]: Ya, sedikit. Tadi soalan sudah ditanya oleh Yang Berhormat Wangsa Maju yang berkaitan dengan pengesahan invois itu 2D itu. Jadi, bagaimana Bahagian Pekerja Asing ini menggunakan indikator prestasi ataupun kawalan dalaman bagi memastikan invois yang dihantar oleh Bestinet itu maknanya sah, tepat dan tidak berlebihan. Jadi, bagaimana kaedah digunakan dalam...

Tuan Ayob bin Abdul Rahman [KDN]: Okey, terima kasih YB. Untuk semakan kepada setiap tuntutan yang dikemukakan oleh pihak Bestinet, kami mewujudkan satu jawatankuasa kecil dan mengikut perjanjian yang telah ditandatangani, setiap tuntutan itu perlu disemak dengan sistem MyIMMs tadi. Jadi, data yang tepat hanyalah diperakukan berdasarkan sistem MyIMMs. Itu yang tercatat dalam kontrak perjanjian antara kerajaan dan FWCMS ataupun Bestinet.

Jadi berdasarkan itu, kami akan membuat semakan, semakan silang bagi setiap tuntutan. Contohnya yang saya sebutkan tadi jika 140,000 tadi yang dituntut, maka kita akan semak semua 140,000 itu dengan data kita, data dalam sistem MyIMMs. Jika ianya tepat sebagaimana transaksi yang dituntut, maka kita akan

sahkan. Jika ia tidak tepat, kita akan hantar semula kepada syarikat untuk *query* lah penambahbaikan ataupun pembetulan. Itu tindakan yang kita sudah buat.

Ada keadaan di mana syarikat menuntut lebih daripada sepatutnya maka kita akan minta dia potonglah daripada yang sebenar, mengikut data yang sebenar yang ada dalam sistem Jabatan Imigresen.

Tuan Ahmad Tarmizi bin Sulaiman [Ahli PAC]: Dalam tempoh bulan Januari hari itu hingga sekarang ini nampak, adakah SOP itu berjalan dengan baik atau pun akan ada....

Tuan Ayob bin Abdul Rahman [KDN]: Setakat ini *alhamdulillah*, berjalan dengan baik dan semakan kita pun menunjukkan bahawa data yang dikemukakan dan kita duduk bersama dengan syarikat untuk memastikan bahawa data yang dikemukakan itu adalah tepat dan tuntutan yang diberi adalah tepat. Itu antara yang kita buatlah setakat ini.

Tuan Sim Tze Tzin [Ahli PAC]: Pengerusi, kalau saya boleh tanya untuk syor empat, kerajaan perlu mematuhi segala, sepenuhnya prosedur perolehan, segala peraturan kerajaan berkaitan yang sedia ada dan sedang berkuat kuasa. Pengerusi, saya nampak bahawa untuk FWCMS ini, ia adalah salah satu *considered— I don't want to use the word scandal* tetapi dia ada masalah yang sangat besar kepada KDN yang mendapat *public attention*, sangat-sangat besar.

Bukan sahaja Audit Negara telah buat audit, PAC pun buat dua laporan ekoran daripada itu kerana *the magnitude of the problem*. Kita nampak bahawa sebenarnya apakah *the* syor empat ini adalah kita mohon supaya KDN ini dia beri komitmen kepada PAC bahawa *the future project* itu mengikut peraturan kerajaan dan prosedur perolehan tetapi saya nampak bahawa dalam syor ini belum ada komitmen KDN terhadap itu. Bolehkah mohon komitmen kepada PAC berkenaan isu syor empat ini?

Datuk Haji Makhzan bin Mahyuddin [KDN]: Baik, YB. Maknanya sekarang ini dalam jawapan, dalam perenggan akhir itu kita akan membuat komitmenlah bahawa semua perolehan kerajaan yang akan dilaksanakan oleh KDN akan dilaksanakan berdasarkan peraturan-peraturan semasa yang telah ditetapkan. Kita bersetuju dengan pandangan YB tersebut.

Tuan Sim Tze Tzin [Ahli PAC]: Okey, sebab kita bangkitkan syor empat ini kerana kita nampak bahawa FWCMS ini macam anak emas *tau*. Dia dulu mungkin dia *direct nego*, selepas itu ada masalah tetapi selalunya dia boleh mendapat persetujuan daripada kerajaan, okey dan patutnya perolehan yang tatacara prosedur perolehan itu dia boleh *bypass* masuk kepada UKAS tetapi pun hanya sekadar ulasan sahaja. Ia bukan melalui proses yang UKAS betul-betul dan akhirnya kita

pada pendapat ramai Ahli-ahli PAC, patutnya kerajaan *fight the issue in court* tetapi akhirnya kerajaan pun akur kos sahaja dan tidak *fight* di *courts*.

So, this is a syarikat yang saya rasa nampak sangat menjadi— that's a little bit of consider special treatment pada pendapat, pandangan *public*. Jadi, ini adalah saya rasa bahawa *we cannot afford this happening again* dari segi daripada KDN.

Datuk Haji Makhzan bin Mahyuddin [KDN]: Terima kasih, YB. Kita ambil maklum dan FWCMS adalah satu sejarahlah bagi KDN bagi saya dan kita akan belajar betul-betul daipada sejarah ini dan kita akan memastikan bahawa *there's the commitment* dalam laporan akhir kita akan komitmen bahawa kita akan mematuhi peraturan-peraturan ini supaya peristiwa FWCMS ini tidak berulang lagilah kepada KDN. Terima kasih, YB.

Tuan Sim Tze Tzin [Ahli PAC]: Ya dan satu soalan yang susulan daripada tadi yang dibincangkan bahawa tentang ramai PATI. Kita ada pekerja asing, kita ada PATI dan sebagainya dan baru-baru ini saya nampak bahawa ada satu isu yang dibangkitkan oleh masyarakat adalah *extension of 90 days visa free* kepada pelawat China yang pada pandangan banyak *association of commerce dan industry, they call it as ACCIM*.

Okey, mereka berpandangan bahawa kalau bagi 90 hari visa *free*, pelawat daripada China mungkin mereka masuk tetapi mereka menjadi pekerja *temporary*. Contohnya, saya difahamkan yang mereka bangkitkan adalah pekerja *Chinese* punya *tourist* masuk, tiba-tiba mereka ambil pekerja dan menjadi kontraktor untuk ambil *wedding photo* contohnya, *wedding ceremony*. Mereka masuk ada 30 hari atau 90 hari, mereka kerja-kerja selepas itu balik, okey. *Then* ada ACCIM pun bangkitkan bahawa ada *Chinese tourist* masuk menjadi pekerja untuk *home renovation*, buat *tiling* kah, cat rumah kah.

Jadi, ini adalah isu kalau KDN sebenarnya *tourist* dia datang maksimum *15 days in Malaysia*, maksimum pun *30 days* saja. Jadi, persoalannya kenapa kita bagi 90 hari? Itu persoalan satu dan bagaimana kita menyekat *tourists, so-called tourists* ini yang masuk tetapi menjadi pekerja *temporary* untuk Malaysia.

Dr. Hebat Hisam bin Mohd Yusoff [KDN]: YB, dengan izin YB. Sebenarnya 90 hari itu adalah tanggapan yang kurang tepat.

■1520

Sebab kalau sebelum MoU kita muktamadkan sebelum ini, mereka boleh datang katakan 30 hari, balik dia boleh datang lagi 30 hari, balik 30 hari. Tetapi dengan peraturan baru ini YB, keberadaan bukan 90 hari *one shot one go*, bukan. 90 hari itu adalah kumulatif dalam tempoh 180 hari. *So*, andai kata dalam tempoh

180 hari tersebut, dia masih lagi memerlukan kemasukan mereka memerlukan visa. Dia bukan masuk 90 hari, *still* 30 hari tetapi bukan 90 hari *one shot*, itu satu.

Nombor dua, kemasukan itu bersyarat. Bukannya masuk dengan kebenaran untuk bekerja, tidak ada. Kemasukan itu dengan spesifik tujuan seperti mana yang kita nyatakan dalam tujuan asal MoU dan perjanjian tersebut. Tidak ada kebenaran kerja diberikan kepada mana-mana *tourist* yang masuk ke dalam negara kita YB. Di situlah elemen *enforcement* akan kita seiringkan dengan fleksibiliti yang kita berikan kepada para pelancong tersebut.

YB. Tuan Sim Tze Tzin [Ahli PAC]: Ya, saya faham. Yang saya bangkitkan adalah *abuse* ya, orang yang sepatutnya mereka sepatutnya *tourist*...

Dr. Hebat Hisam bin Mohd Yusoff [KDN]: Betul. *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

YB. Tuan Sim Tze Tzin [Ahli PAC]: ...tetapi mereka pula masuk untuk menjadi pekerja *temporary jobs* diambil sebagai jurugambar untuk *wedding ceremony* dan sebagainya. Itu yang dibangkitkan di— saya baca surat khabar yang dibangkitkan oleh ACCIM.

Dr. Hebat Hisam bin Mohd Yusoff [KDN]: Kadang-kadang perkara ini pun ada diperingatkan oleh Dato' Sri MDN sendiri supaya Jabatan Imigresen untuk kita pertingkatkan penguatkuasaan agar perkara-perkara *abuse* sebegini tidak berlaku. *In fact*, persoalan yang sama juga ada dibincangkan pagi tadi YB dalam Jawatankuasa Integriti di Parlimen tadi, soalan yang sama dan kita juga *explain* yang sama. *Insya-Allah*, kita akan seiringkan fleksibiliti tersebut dengan penguatkuasaan agar *abuses* seperti mana YB sebutkan tadi itu tidak berlakulah.

Dr. Hajah Halimah Ali [Ahli PAC]: Pengerusi, nak fahamkan *you said about that 90 days*, tetapi dia pelancong.

Datuk Haji Makhzan bin Mahyuddin [Timbalan ketua Setiausaha (Dasar dan Kawalan)]: Sebenarnya *90 days* dia setiap kali datang dia mesti tidak boleh lebih daripada 30 hari. *[Dichelah]* Dia mesti datang dalam tempoh 30 hari dia mesti balik. Kalau dia hendak datang balik boleh...

Dr. Hajah Halimah Ali [Ahli PAC]: Dia pelancongakah apa? Macam mana dia boleh hendak pergi— datang sampai *90 days*?

Datuk Haji Makhzan bin Mahyuddin [KDN]: *That's why* kita maksimumkan dia, maknanya dalam tempoh enam bulan, dia hanya boleh ada maksimum 90 hari sahaja. *[Dichelah]*

Dr. Hajah Halimah Ali [Ahli PAC]: Walaupun tiga kali dia datang sebab *30 days* kan?

Datuk Haji Makhzan bin Mahyuddin [KDN]: Kalau dia datang tiga kali dan selepas— kali keempat itu kalau dia datang boleh tetapi dia kena memohon visa. Tetapi bila mohon visa kita sudah semak, dia sudah berkali-kali datang dan kita takkan luluskan visa mereka.

Dr. Hebat Hisam bin Mohd Yusoff [KDN]: Dia salah satu, kenapa kita buat macam ini YB ya, sebab untuk China ini berdasarkan kajian MOTAC dan kita, seorang pelancong China datang, minimum perbelanjaan dia adalah dalam RM7,000 apa yang dia *spent* dalam negara. So, *abuse* tersebut memang dalam radar KDN, kita faham dan benda ini ada dibincangkan dalam Kabinet sepertimana yang dilaporkan oleh Dato' Sri MDN dalam *PostCab*. Macam kita kata tadi, fleksibiliti tersebut akan kita gandingkan dengan *enforcement* supaya perkara baru ini dapat kita selesaikan.

Dr. Hajah Halimah Ali [Ahli PAC]: Alang-alang sebab saya dengar daripada surat khabar dari luar sahajakan, hendak tanya Imigresenlah. Yang dikatakan pelancong yang masuk, satu juta kah dua juta? Tidak keluar-keluar itu, betul ke?

Dr. Hebat Hisam bin Mohd Yusoff [KDN]: Yang itu sudah dijelaskan beberapa kali oleh Dato' Sri MDN. Jumlah tersebut bukan yang mengatakan pelancong China datang tidak keluar-keluar. Itu adalah satu *the correct term to explain the whole situation*. Dato' mungkin Dato' boleh... [Ketawa] Tetapi tidak tepat.

Kita sudah bagi dalam Dewan Rakyat, kita sudah bagi dengan statistik bahawa jumlah sebenar bukanlah sebesar itu sebab ada yang masuk dia tukar pas bagi *spouse visa*, ada yang masuk tukar pas sebagai visa *student*. Dia pelbagai YB, tetapi bukan sesekali masuk senyap macam itu sampai ke sudah.

Dr. Hajah Halimah Ali [Ahli PAC]: Kalau tidak betul *100 percent* itu, agak berapa persen yang betul?

Dr. Hebat Hisam bin Mohd Yusoff [KDN]: Jumlah tersebut *almost 100 percent* tidak betul. Cuma dia hanyalah *10 percent* sahaja daripada jumlah tersebut ada yang...

Dr. Hajah Halimah Ali [Ahli PAC]: Tidak balik?

Dr. Hebat Hisam bin Mohd Yusoff [KDN]: Bukan tak balik, ada dalam negara dan ada dalam sistem kita. Ada dalam data. Maksudnya bukannya hilang sebagaimana hilangnya wap air di udara, bukan. Ada datanya, *traceability*, ada elemen *traceability* itu ada. Benda ini beberapa kali diperjelaskan oleh MDN dalam Dewan Rakyat, dalam Dewan Negara. Saya rasa dalam *Hansard* pun ada YB.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Naib Pengerusi PAC]: Ok, ada apa hendak tanya lagi?

Dr. Hajah Halimah Ali [Ahli PAC]: Tentang pemantauan tadi, saya kurang apa ini— dengar tadi kalau mesyuarat pemantauan satu bulan sekali ataupun mengikut keperluan.

Dr. Hebat Hisam bin Mohd Yusoff [KDN]: Pemantauan yang mana Yang Berhormat? Ada banyak pemantauan. Kalau di FWCMS mungkin....

Dr. Hajah Halimah Ali [Ahli PAC]: Ah, yes. Yang nombor empat itu kah? Ada berkenaan dengan nombor empat kah? Nombor tiga ya?

Beberapa Ahli: Nombor empat. [*Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara*]

Datuk Haji Makhzan bin Mahyuddin [KDN]: YB, di bawah saya pun ada satu jawatankuasa yang kita pengerusikan untuk memastikan bahawa pengurusan sistem FWCMS ini berjalan dengan lancar. So, dari segi jawatankuasa peringkat pembayaran pun dia ada jawatankuasa kecil, di peringkat ICT pun ada jawatankuasa, tetapi dalam Jawatankuasa Induk ada saya setiap tiga bulan sekali, saya akan membuat mesyuarat berkenaan ini untuk melihat daripada prestasi dan juga isu-isu yang berbangkit daripada pelaksanaan ini.

Mengikut pengurusan FWCMS ini, kita akan laksanakan dengan sebaik mungkin supaya kita dapat *benefit* maksimum daripada pembayaran yang kita laksanakan bagi setiap PLKS yang dikeluarkan itu dan yang menjadi komitmen kepada KDN supaya sistem ini akan *benefit* kepada kerajaan sebab kita siap bayar RM215 itu, kita akan maksimumkan *benefit* daripada pembayaran tersebut YB.

Dr. Hebat Hisam bin Mohd Yusoff [KDN]: Cuma tambahan YB ya, untuk makluman, *the ownership of FWCMS* ini *is not exclusive belongs to KDN*, ia juga ada elemen KESUMA di situ supaya ahli mesyuarat dapat gambaran yang jelas. So, dalam mesyuarat yang dipengerusikan oleh Dato TKSUB ada wakil KESUMA dan ada wakil bukan sahaja kementerian, ada juga wakil Jabatan Tenaga Kerja Manusia di bawah KESUMA. So, elemen *check and balance* itu ada, KESUMA dengan *interest* dia. Kalau dia tidak kena, kita tegur supaya kepentingan kerajaan itu *is well safe guarded* YB.

YB. Tuan Ahmad Tarmizi bin Sulaiman [Ahli PAC]: Timbalan Pengerusi, syor yang kedua itu boleh *refer* syor kedua. Dalam kontrak ini, maksudnya item-item A to K itu, adakah juga maksudnya ada ruang di pihak Bestinet dia akan menuntut lagi caj tambahan? Jika ada, contoh macam I itu menaiktarafkan FWCMS, adakah kita *fit* dari segi nilai itu ataupun dia ada ruang lagi untuk buat tuntutan jika ada lagi penambahbaikan sistem ini?

Dr. Hebat Hisam bin Mohd Yusoff [KDN]: Nilainya RM215 terpakai sehingga tamat kontrak YB. So, tidak ada peningkatan dari segi caj perkhidmatan

daripada FWCMS dan kerajaan pun tidak akan bayar sebab itulah tertera dalam kontrak.

Datuk Haji Makhzan bin Mahyuddin [KDN]: Setiap PLKS yang keluar di darab dengan RM215, itu sahaja. Kos-kos lain dia tidak boleh *claim* walaupun—tetapi di dalam itu kita sudah minta dia menaik taraf FWCMS, dia menukarkan peralatan setiap tiga tahun sekali. Itu ada dalam kontrak. So, dia takkan *claim*, kerana dia *claim* dia hanya berdasarkan kepada bilangan PLKS yang dikeluarkan darab dengan RM215, itu sahaja.

Dr. Hebat Hisam bin Mohd Yusoff [KDN]: Sepertimana yang diperjelaskan oleh Tuan Ayob tadi, dia RM215 itu kita *pack* dengan bilangan PLKS, bukannya kita bayar PLKS itu RM215 tetapi kita bayar perkhidmatan untuk 15 modul. Tetapi bagi tujuan pembayaran, kita gunakan bilangan *e-pass* ataupun PLKS itu sebagai asas pengiraan YB.

YB. Tuan Ahmad Tarmizi bin Sulaiman [Sik]: Ya. Okey, maksud saya tadi kita sudah *fit* 15 modul. Contohnya kalau GM nampak ada perlu tambah lagi satu atau dua modul tambahan, contoh. Jadi, adakah juga tamat kontrak ini ataupun bagaimana....

Datuk Haji Makhzan bin Mahyuddin [KDN]: Mungkin kita akan tambah modul tetapi kita *improve* modul sedia ada sebab dalam kontrak kita 15 modul dan dari *improvement* dari setiap modul itu untuk memastikan bahawa perjalanan untuk pengeluaran pas berjalan dengan lancar. Kita ada— dalam perjanjian kita boleh *request* mereka untuk dari semasa ke semasa memperbaharui. Tetapi dari segi bilangan, kita *fix* kepada 15 modul tersebut.

Dr. Hebat Hisam bin Mohd Yusoff [KDN]: Macam yang Dato' TKSUB dan Tuan Ayob maklumkan tadi YB ya, 15 modul itu sudah *represent the whole ecosystem of foreign workers* dah. Daripada A sampailah dia keluar, sampailah *check out memo*. So, untuk tambahan modul mungkin tidak, tetapi untuk penambahbaikan, ya. Bukan mungkin ya, tetapi ya. Sebab ialah teknologi dia akan *obsolete* selepas dua tahun dia mungkin sudah jadi kurang itulah ya, YB ya. Sebab itu kata untuk tambah modul tak, tapi penambahbaikan modul ya.

■1530

Tuan Sim Tze Tzin [Ahli PAC]: Tuan Pengerusi saya masih- Okey, untuk syor nombor dua juga ya. *At the end of the day*, saya nak dapat sedikit *clarity* lah, dia memang NIISe yang akan ambil alih semua? Betul ya?

Dr. Hebat Hisam bin Mohd Yusoff [KDN]: Betul.

Tuan Sim Tze Tzin [Ahli PAC]: 2028. NIISe daripada A sampai Z untuk *tourist* juga macam itu, *foreign workers* pun macam itu, *student visa* pun macam itu semua *under* NIISe, betul ya?

Dr. Hebat Hisam bin Mohd Yusoff [KDN]: Betul Yang Berhormat.

Tuan Sim Tze Tzin [Ahli PAC]: Jadi- tetapi untuk FWCMS, dia kena tunggulah sampai 2031 barulah dia masuk ke NIISe. Betul ya? Boleh terangkan dia...

Dr. Hebat Hisam bin Mohd Yusoff [KDN]: Dia integrasi Yang Berhormat.

Tuan Sim Tze Tzin [Ahli PAC]: Dia integrasi itu. Jadi kerana kita NIISe itu dia akan tunggu sampai 2031 baru dia integrasikan. Jadi NIISe itu akan buat modul baru kah atau dia akan pakai FWCMS punya *source code* kah, macam mana?

Dr. Hebat Hisam bin Mohd Yusoff [KDN]: Dia adalah bila NIISe *come into the picture, take into effect*, dia akan integrasikan dengan FWCMS. Sebab bila mana NIISe masuk dia punya *term, the only source of truth* adalah NIISe sahaja sebab NIISe akan *represent the whole system of KDN and JIM*. So, tidak ada sistem lain. Yang lain-lain akan berintegrasi. So...

Tuan Sim Tze Tzin [Ahli PAC]: Termasuk ePPAx juga? ePPAx pun akan...

Dr. Hebat Hisam bin Mohd Yusoff [KDN]: ePPAx pun *of course* lah.

Tuan Sim Tze Tzin [Ahli PAC]: Pun masuk kepada NIISe. Tapi ePPAx itu okey semua?

Dr. Hebat Hisam bin Mohd Yusoff [KDN]: ePPAx integrasilah Yang Berhormat sebab ePPAx itu dia bukan milik KDN dia adalah milik KESUMA. Sebagaimana sekarang dia berintegrasi dengan FWCMS sebab untuk eQouta tersebut. So, benda yang sama akan berlaku.

Tuan Ir. Ts. Zahir bin Hassan [Ahli PAC]: Sebab dah sebut fasal NIISe ini, ingat nak— untuk *foreign workers* FWCMS hingga 2028 itu kan? Betul ya untuk *foreign workers*. NIISe ini *cover* bukan sahaja *foreign workers* benda-benda lain lagi, betul tak?

Dr. Hebat Hisam bin Mohd Yusoff [KDN]: Betul.

Tuan Ir. Ts. Zahir bin Hassan [Ahli PAC]: So, apa yang benda-benda lain itu yang NIISe *cover*, nak *recap* sikit. Maknanya 2028, *foreign workers* yang akan *integrate* dalam NIISe, itu *foreign workers*. Akan tetapi yang lain-lain itu NIISe sedang bergeraklah selain daripada *foreign workers* punya sistem. Adakah pemahaman itu betul?

Dr. Hebat Hisam bin Mohd Yusoff [KDN]: Betul Yang Berhormat. Sebab NIISe ini adalah keseluruhan sistem, *one stop system*. Dia bukan sahaja— dia akan *cover* pintu masuk, dia akan *cover enforcement*. Sebab macam saya kata tadilah,

the only source of truth adalah NIISe. So, *everything related to JIM, everything related to KDN* adalah NIISe.

Tuan Ir. Ts. Zahir bin Hassan [Ahli PAC]: NIISe. So, *NIISe is ongoing right now* lah.

Dr. Hebat Hisam bin Mohd Yusoff [KDN]: Ya, ya.

Encik Ayob bin Abdul Rahman [KDN]: Tambahan Yang Berhormat *just* untuk mudah. NIISe akan menggantikan MyIMMS sepenuhnya. So, kita akan—MyIMMS ini dah hampir *obsolete* jadi NIISe akan menggantikan MyIMMs. Jadi selepas ini fungsi MyIMMs itu ditambah baik di dalam NIISe. Jadi selepas ini MyIMMs kita tak akan pakai lagilah. Kita berintegrasi dengan NIISe sepenuhnya sebagai *database*.

Datuk Haji Makhzan bin Mahyuddin [KDN]: Yang Berhormat boleh saya tambah. Sebut warga asing, warga asing itulah pelajar. Sekarang ini kita—FWCMS pada asalnya pekerja asing, kalau NIISe ini pengurusan pasport di situ, pelajar, pelancong, ekspatriat semua berkaitan pengurusan warga asing itu akan berlaku dalam NIISe. So, apa yang berlaku ialah bila dia masuk melalui pintu masuk kita boleh—sistem pelajar pun boleh *cater* dari segi pekerja masuk, so dia adalah satu rangkaian yang cukup *complicated* NIISe tersebut.

So, FWCMS adalah hanya pengurusan pekerja asing daripada negara sumber sampai dia keluar balik. Akan tetapi yang pengurusan pemegang pasport, pengurusan-pengurusan pas pada pasangan warganegara, permit masuk semua itu berlaku dalam NIISe. Semua satu komponen yang terlalu besar NIISe tersebut.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Naib Pengerusi PAC]: Akan tetapi kita masih perlu bayarlah kepada FWCMS ya sehingga 2031 kan?

Datuk Haji Makhzan bin Mahyuddin [KDN]: Sebab kita *integrate* kan, kita *integrate* dia. Ini adalah sekarang NIISe maknanya FWCMS kita *integrate*, kita link kan mereka dengan itu. So, kalau bila dia buat permohonan masuk kepada sistem ini dia akan keluar balik melalui sistem FWCMS. So, bermakna *integration* masih berlaku sampai kontrak yang tamat 2031 Yang Berhormat.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Naib Pengerusi PAC]: Okey, ada apa-apa pertanyaan lagi?

Tuan Ahmad Tarmizi bin Sulaiman [Ahli PAC]: Dalam tempoh berapa bulan, empat bulan ya proses sistem ini, adakah ada JIM menerima aduan dari majikan dan juga *feedback* sama ada positif ataupun negatif. Maknanya kita nak lihat sistem ini dia dapat berjalan dengan baiklah. Jadi mungkin ada, mungkin ada mekanisme ada aduan daripada majikan untuk penambahbaikan itu dibuat atau bagaimana?

Encik Ayob bin Abdul Rahman [KDN]: Okey. Memang kita ada terima peringkat awal dahulu untuk majikan tentang mereka *familiarization* lah, cara majikan nak menggunakan sistem. Akan tetapi akhir-akhir ini mereka dapat terima dengan baik terutama satu langkah yang kita buat di mana diterima baik oleh semua majikan di mana majikan tak perlu wujudkan ID baru. Dengan mereka boleh menggunakan ID yang sedia ada, mereka boleh buat transaksi FWCMS itu adalah merupakan suatu yang diterima secara positif, yang sangat baik oleh majikan.

Itu sebab kita nampak kalau data yang saya sebutkan tadi, kalau Yang Berhormat sendiri daripada bulan Februari kita hanya ada sekitar 40,000 punya permohonan tetapi pada bulan Mac kita dah melonjak kepada 140,000 permohonan. Pada bulan Mac itulah melambangkan pengoperasian sepenuhnya penggunaan FWCMS. Jadi ini menunjukkan bahawa penerimaan positif daripada majikan. Mungkin ada satu dua yang dari segi teknikal. Mungkin yang ini kita *resolve* macam contoh capaian internet yang tak stabil dan sebagainya. Bukan di peringkat jabatan ataupun di peringkat sistem tapi mungkin di peringkat majikan atau peringkat pengadu maka kita akan tangani secara spesifik mengikut aduan yang kita terima.

Tuan Ahmad Tarmizi bin Sulaiman [Ahli PAC]: Okey. Berkaitan dengan ini juga. Dari segi jumlah bayaran itu yang sudah meningkat beberapa persen kan, jadi adakah juga majikan ini dia melihat ada kesan dari segi maknanya kos dia orang akan meningkat termasuklah pindahan itu kepada mungkin dikurangkan ke bayaran gaji kepada pekerja dia atau bagaimana dia *adsorb* dia punya kos yang meningkat ini.

Encik Ayob bin Abdul Rahman [KDN]: Sebenarnya tidak ada peningkatan. Buat masa ini tidak ada peningkatan kos kepada majikan. Mereka hanya membayar apa yang mereka perlu bayar semasa. Macam contoh untuk lanjutan PLKS dia perlu bayar levi, dia perlu bayar visa, dia perlu bayar pas, dia perlu wang proses. Empat perkara ini dia perlu bayar itulah daripada sebelum ada FWCMS sehinggalah sekarang itulah yang dibayar, tidak ada sebarang peningkatan.

Cuma mereka mendapat kesan yang lebih baik mereka tak perlu hadir ke Jabatan Imigresen secara fizikal. Bermakna setiap kali lanjutan PLKS dibuat mereka boleh buat di pejabat mereka dan cetak pas tadi di pejabat mereka. Mereka tak perlu hadir. Maknanya dari segi penjimatan yang majikan yang dah boleh terima adalah *main hours* lah kepada staf mereka dan mereka tak perlu lagi hadir ke Jabatan Imigresen ambil nombor, berbaris dan sebagainya.

Kaunter Imigresen juga mengalami penurunan. Contohnya untuk Bahagian Pekerja Asing kita penurunan jumlah majikan ataupun klien yang hadir hampir lebih 70 peratus ke 80 peratus. Tak perlu lagi hadir ke jabatan dan ini mengurangkan

jumlah kesesakan dan juga kita punya kadar *main hours* kepada kakitangan jabatan juga kita boleh tingkatkan dengan tugas-tugas lain yang lebih mendesak.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Naib Pengerusi PAC]: Okey, ada lagi? Cukup, Sik.

Tuan Ahmad Tarmizi bin Sulaiman [Ahli PAC]: Ada satu, *sorry*. Ini saya tak pasti soalan ini ada kaitan tidak tapi ini saya pun simpatilah pada pegawai-pegawai KDN ya. Yang perlu jawabnya saya nampak ialah Kabinetlah ya. *[Ketawa]* Kontrak ini diberi kepada Bestinet ya. Kalau tak perlu jawab tak payah jawablah ya. *[Ketawa]* Tapi *owner* kepada *share company* ini sedang dimohon, diekstradisi oleh Bangladesh kerana ada disebut rekod-rekod jenayah di sana.

Jadi bagaimana KDN nak menangani, nak memperbetulkan tanggapan-tanggapan yang— ya lah kita tak boleh kontrol di luar itu tapi sekurang-kurangnya KDN kena jelaskan dipihak kementerian, dipihak pegawai sendiri sudah laksana dengan sebaiknya ya. Jadi keputusan itu mungkin di luar kotak yang ada. Jadi bagaimana pandangan dari pihak TKSU sendirilah.

Datuk Haji Makhzan bin Mahyuddin [KDN]: Yang Berhormat saya rasa perkara itu dalaman, bukan dalam jurisdiksi saya sekarang untuk saya menjawab pada hari ini dan mungkin ada pilihan saya untuk tidak menjawab so saya pilih untuk tidak menjawab perkara itu Yang Berhormat.

Tuan Ahmad Tarmizi bin Sulaiman [Ahli PAC]: Saya faham.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Naib Pengerusi PAC]: Ada lagi? *Haiyo*. Jadi— Okey, hujan lebat akan turun. *[Ketawa]* Okey, di sini saya ingin bagi pihak PAC nak terima kasih kepada Yang Berbahagia Datuk Haji Makhzan bin Mahyuddin dan Yang Berusaha Dr. Hebat Hisam bin Mohd Yusoff dan Yang Berusaha Tuan Ayob bin Abdul Rahman. Terima kasih kerana sudi datang memberi pembentangan tentang syor dan beri maklum balas tentang syor dan tindakan susulan kepada pihak PAC. Terima kasih. Mesyuarat bertangguh pada pukul 3.40 minit sekarang. Jadi prosiding PAC akan sambung esok pukul 11.00 pagi. Terima kasih.

[Mesyuarat ditangguhkan pada pukul 3.40 petang]



JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA (PAC)
Parlimen Malaysia, Jalan Parlimen, 50680 Kuala Lumpur
Tel: 03-2601 7263 / 2968 6852 (DL)
E-mel: pacparlimen@parlimen.my

www.parlimen.gov.my/pac